

**KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL GURU BESAR,
KUALITI GURU, SOKONGAN PERSATUAN
IBUBAPA GURU DAN KOMUNITI TERHADAP
PENCAPAIAN AKADEMIK MURID**

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

MOKILAU BIN RUDIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

**KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL GURU BESAR, KUALITI GURU,
SOKONGAN PERSATUAN IBUBAPA GURU DAN KOMUNITI TERHADAP
PENCAPAIAN AKADEMIK MURID**

MOKILAU BIN RUDIN

**DISERTASI/TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada⁰⁹(hari bulan).....⁰⁹ (bulan) 20²⁵.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, MOKILAU BIN RUDIN, P20171001634, FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL GURU BESAR, KUALITI GURU, SOKONGAN PERSATUAN IBUBAPA GURU DAN KOMUNITI TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK MURID

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. DAYANG RAFIDAH BINTI SYARIFF M. FUAD (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL GURU BESAR, KUALITI GURU, SOKONGAN PERSATUAN IBUBAPA GURU DAN KOMUNITI TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK MURID

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah DOKTOR FALSAFAH PENGURUSAN PENDIDIKAN (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

22/10/2025

Tarikh

Tandatangan Penyelia





INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL GURU BESAR, KUALITI GURU, SOKONGAN PERSATUAN
IBUBAPA GURU DAN KOMUNITI TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK MURID

No. Matrik /:
Matrik's No.: P20171001634

Saya / I am: MOKILAU BIN RUDIN

(Nama Pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut: -
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik Universiti Pendidikan Sultan Idris.
The Thesis/Dissertation/Project Paper is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan rujukan dan pendidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and education.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The library has the right to make copies of the thesis/Dissertation/Project Paper for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below: -

✓	AKSES TERBUKA OPEN ACCESS	Saya bersetuju bahawa Tesis/Disertasi/Kertas Projek boleh diterbitkan sebagai salinan fizikal atau akses terbuka dalam talian. <i>I agree that the Thesis/Dissertation/Project Paper may be published as a physical copy or open access online.</i>
	*TERHAD *LIMITED	Mengandungi maklumat terhad seperti yang dinyatakan oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan dijalankan. <i>(Perpustakaan akan menyekat akses sehingga ____ tahun).</i> <i>Contains restricted information as specified by the organization/institution where the research was conducted.</i> <i>(Library will restrict access until ____ years).</i>
	*SULIT *CONFIDENTIAL	Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. <i>Contains confidential information under the Official Secrets Act 1972.</i>
	EMBARGO	Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini tertakluk kepada tempoh embargo selama 2 tahun atas sebab-sebab berikut: <i>This Thesis/Dissertation/Project Paper is subject to an embargo period of 2 years for the following reasons:</i>

*Nota / *Notes:

- i. Jika tiada pilihan yang ditandai, pilihan pertama akan dilaksanakan secara automatik.
If no option is marked, the first option will be automatically implemented.
- ii. Jika Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini dikategorikan sebagai **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat dari pihak berkuasa/organisasi yang berkaitan dengan menyatakan alasan dan tempoh tesis ini perlu diklasifikasikan sebagai **TERHAD** atau **SULIT**. / *If the Thesis/Dissertation/Project Paper is categorized as CONFIDENTIAL or LIMITED, kindly attach a letter from the relevant authority/organization stating the reason and duration for the thesis should be classified as LIMITED or CONFIDENTIAL.*

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh/Date: 21/10/2025

Tarikh/Date: 22/10/2025



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, kepujian dan kesyukuran dipanjatkan kepada Tuhan yang maha berkuasa kerana dengan Berkat kurnia-Nya dapat saya selesaikan tesis ini yang merupakan satu perjalanan jauh dengan pelbagai pengalaman suka dan duka. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada orang perseorangan dan pihak-pihak tertentu yang telah banyak membantu saya dalam proses menyiapkan tesis ini. Pertama, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada penyelia utama saya Dr Dayang Rafidah Syariff M. Fuad, juga turut berhutang budi kepada penyelia bersama Profesor Madya Dr. Marinah Binti Awang atas segala bimbingan dan nasihat untuk menyiapkan tesis ini. Tidak dilupakan arwah Profesor Madya Dr. Jamal @ Nordin Bin Yunus mantan penyelia utama yang telah memberikan dorongan, bimbingan, panduan dan tunjuk ajar secara ilmiah dan profesional berterusan sehingga saya dapat melaksanakan kajian dari awal hingga akhir. Kesabaran, nasihat, bimbingan, dan panduan yang membina daripada ketiga-tiga penyelia saya amat dihargai dan disanjung. Saya juga turut berterima kasih dan berhutang budi kepada semua individu dan institusi yang turut membantu saya menyempurnakan kajian dan tesis ini. Kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, Pejabat Pendidikan Daerah Kota Belud, guru-guru besar dan guru-guru sekolah kajian, serta rakan-rakan seperjuangan saya, sekalung ucapan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan atas sokongan bersama-sama. Penghargaan yang paling istimewa ditujukan kepada isteri saya Rosnah Binti Gunahai, anak-anak saya Mimi Freses Feerra, Kenn Freseo, Sean Fresio dan Evit Fresse atas sokongan dan dorongan dan kedua-dua ibubapa saya Rudin Bin Dawai dan Rongkening Binti Maggendgai (arwah-Tarikh meninggal 19 Mac 2024) yang tidak sempat melihat kejayaan ini, serta kedua-dua mentua saya (arwah) yang memberikan sokongan dan dorongan semoga damailah disana bersama Bapa di Sorga serta seluruh keluarga tersayang yang sentiasa sabar mengharungi kehidupan bersama-sama saya dan tidak terputus-putus mendoakan kejayaan saya. Terima kasih atas segala sokongan, pengorbanan, ilham dan inspirasi yang telah diberikan sehingga saya dapat menyempurnakan pengajian ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menilai pengaruh Kepimpinan Instruksional Guru Besar, Kualiti Guru, Sokongan Persatuan Ibu Bapa Guru Dan Komuniti terhadap pencapaian akademik murid sekolah rendah luar bandar di Pejabat Pendidikan Daerah Kota Belud, Sabah. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan dan analisis inferens. Seramai 293 orang guru dari 57 buah sekolah rendah dipilih sebagai responden melalui pensampelan rawak berstrata. Instrumen soal selidik yang dibina melalui adaptasi model Hallinger dan Murphy, Standard Guru Malaysia (2010), dan eSarana PIBG telah disahkan oleh pakar dengan nilai kebolehpercayaan melebihi .90. Analisis deskriptif menunjukkan bahawa tahap kepimpinan instruksional ($\text{min} = 4.42$), kualiti guru ($\text{min} = 4.43$) dan sokongan PIBG serta komuniti ($\text{min} = 4.39$) berada pada tahap tinggi. Ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kualiti guru mengikut jantina [$t(291) = 2.04, p < .05$], tetapi tidak signifikan bagi kepimpinan instruksional dan sokongan PIBG. Ujian ANOVA tidak menunjukkan perbezaan signifikan bagi semua pemboleh ubah mengikut umur, pengalaman, kelayakan akademik dan ikhtisas. Analisis korelasi Pearson menunjukkan hubungan positif tetapi lemah antara kepimpinan instruksional dan pencapaian akademik murid [$r = .188, p < .01$], kualiti guru [$r = .225, p < .01$], serta sokongan PIBG dan komuniti [$r = .203, p < .01$]. Analisis regresi berganda menunjukkan bahawa ketiga-tiga pemboleh ubah menyumbang sebanyak 15.8% variasi terhadap pencapaian akademik murid ($R^2 = .158$), dengan hanya kepimpinan instruksional sebagai peramal signifikan ($\beta = .126, p < .05$). Kesimpulannya, kepimpinan instruksional memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pencapaian akademik murid. Implikasinya, penambahbaikan terhadap amalan kepimpinan sekolah dan penglibatan komuniti adalah kritikal dalam usaha meningkatkan kemenjadian murid, khususnya di sekolah luar bandar.





INSTRUCTIONAL LEADERSHIP OF HEADMASTER, TEACHER QUALITY, AND PARENT-TEACHER ASSOCIATION SUPPORT TOWARDS STUDENT ACADEMIC ACHIEVEMENT

ABSTRACT

This study aimed to examine the influence of Headmaster Instructional Leadership, Teacher Quality, and Parent-Teacher Association on the academic achievement of students in rural primary schools under the Kota Belud District Education Office, Sabah. A quantitative approach, utilising a survey and inferential analysis, was employed. A total of 293 teachers from 57 primary schools were selected as respondents through a stratified random sampling method. The questionnaire was adapted from the models of Hallinger & Murphy, the Malaysian Teacher Standards (2010), and the eSarana PIBG framework, and was validated by experts with reliability indices exceeding .90. Descriptive analysis showed that the levels of instructional leadership ($M = 4.42$), teacher quality ($M = 4.43$), and PIBG and community support ($M = 4.39$) were high. An independent t-test revealed a significant difference in teacher quality based on gender [$t(291) = 2.04, p < .05$], but no significant differences were found for the other variables. ANOVA results showed no significant differences across all variables based on age, teaching experience, academic, or professional qualifications. Pearson correlation analysis revealed weak but positive relationships between instructional leadership and student academic achievement [$r = .188, p < .01$], teacher quality [$r = .225, p < .01$], and PIBG and community support [$r = .203, p < .01$]. Multiple regression analysis indicated that all three predictors collectively explained 15.8% of the variance in academic achievement ($R^2 = .158$), with instructional leadership being the only significant predictor ($\beta = .126, p < .05$). In conclusion, instructional leadership plays a critical role in influencing student academic achievement. The implication is that improvements in school leadership practices and increased community engagement are essential strategies for enhancing student outcomes, especially in rural school settings.





ISI KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xix
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	12
1.3 Pernyataan Masalah	17
1.4 Tujuan Kajian	24
1.5 Objektif Kajian	25
1.6 Persoalan Kajian	25
1.7 Hipotesis Kajian	27
1.8 Kerangka Kajian	30
1.8.1 Kerangka Teoritikal Kajian	31
1.8.2 Kerangka Konseptual Kajian	44
1.9 Pemboleh Ubah Kajian	46
1.9.1 Hubungan Antara Pemboleh ubah	49
1.10 Kepentingan Kajian	55
1.11 Batasan Kajian	56
1.12 Definisi Operasional	57





1.12.1	Kepimpinan Instruksional	58
1.12.2	Kualiti guru	62
1.12.3	Sokongan PIBG dan Komuniti	66
1.12.4	Pencapaian akademik murid	67
1.13	Rumusan	67
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR		
2.1	Pengenalan	68
2.2	Konsep Kepimpinan Organisasi	69
2.3	Kepimpinan Instruksional	76
2.3.1	Teori Kepimpinan Instruksional	85
2.3.2	Konsep Kepimpinan Instruksional	98
2.3.3	Model Kepimpinan Instruksional	100
2.3.4	Tinjaun Kajian-Kajian Berkaitan Kepimpinan Instruksional	110
2.3.5	Hubungan Kepimpinan Instruksional terhadap Pencapaian akademik murid	118
2.4	Konsep Kualiti Guru	117
2.4.1	Model Organisasi Berkesan (1972)	117
2.4.2	Kualiti Guru	119
2.4.3	Elemen Kompetensi Guru (PdPc) SKPMg2	132
2.4.4	Hubungan Kualiti guru terhadap Pencapaian akademik murid	137
2.5	Sokongan PIBG	142
2.5.1	Teori Pembangunan Sistem Ekologi	148
2.5.2	Hubungan Sokongan PIBG terhadap Pencapaian Akademik Murid	181
2.6	Pencapaian Akademik Murid dan Faktor-faktor Lain Yang Mempengaruhinya	189
2.7	Kajian-Kajian Lepas Berkaitan Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Murid.	196
2.8	Rumusan	197

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN



3.1	Pengenalan	199
3.2	Reka bentuk Kajian	200
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	205
3.4	Instrumen Kajian	215
3.4.1	Skala	216
3.4.2	Kebolehpercayaan dan Kesahan	223
3.4.3	Kesahan Pakar	232
3.5	Kajian Rintis	239
3.5.1	Kesahan Konstruk Soal Selidik	240
3.5.2	Kebolehpercayaan	246
3.6	Data Analisis	253
3.6.1	Statistik Deskriptif dan Inferensi	253
3.7	Model Regresi	275
3.7.1	Ujian Prasyarat Regresi	277
3.8	Prosedur Kajian	287
3.9	Tatacara Pengumpulan Data	289
3.10	Tatacara Penganalisan Data	290
3.10.1	Analisis Soal Selidik	291
3.10.2	Analisis Awalan	291
3.11	Kesimpulan	298

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	300
4.2	Analisis Soal Selidik	301
4.2.1	Analisis Awalan	301
4.3	Analisis Deskriptif	307
4.3.1	Analisis Deskriptif Demografi Responden	308
4.3.2	Analisis Deskriptif Pemboleh Ubah Kajian	311
4.4	Analisis Perbandingan (Ujian t dan ANOVA)	323
4.4.1	Perbezaan Kepimpinan Instruksional, Kualiti guru dan Sokongan PIBG dan Komuniti berdasarkan jantina	327



4.4.2	Perbezaan Kepimpinan Instruksional, Kualiti guru dan Sokongan PIBG dan Komuniti berdasarkan persepsi guru mengikut faktor umur, pengalaman mengajar, kelayakan akademik tertinggi dan kelayakan ikhtisas.	330
4.4.3	Kesimpulan keseluruhan Dapatan kajian berdasarkan umur	341
4.4.4	Kesimpulan keseluruhan Dapatan kajian berdasarkan pengalaman mengajar	343
4.4.5	Kesimpulan keseluruhan Dapatan kajian berdasarkan kelayakan akademik tertinggi	344
4.4.6	Kesimpulan keseluruhan Dapatan kajian berdasarkan kelayakan ikhtisas	346
4.5	Analisis Korelasi	344
4.5.1	Hubungan antara dimensi Kepimpinan Instruksional dengan Pencapaian akademik murid sekolah	348
4.5.2	Hubungan antara dimensi Kualiti guru dengan Pencapaian akademik murid sekolah	349
4.5.3	Hubungan antara dimensi Kepimpinan Instruksional dan Kualiti guru dengan Pencapaian akademik murid sekolah	350
4.5.4	Hubungan antara Kepimpinan Instruksional dengan Pencapaian akademik Murid sekolah	353
4.5.5	Hubungan antara Kualiti guru dengan Pencapaian akademik Murid sekolah	354
4.5.6	Hubungan antara Sokongan PIBG dan Komuniti dengan Pencapaian akademik Murid sekolah	355
4.5.6	Rumusan dapatan kajian	353
4.6	Analisis Regresi	353
4.6.1	Pengaruh Kepimpinan Instruksional Guru Besar terhadap Pencapaian akademik murid	357
4.6.2	Pengaruh Kualiti guru terhadap Pencapaian akademik murid	358
4.6.3	Pengaruh sokongan PIBG dan Komuniti terhadap pencapaian akademik murid	360
4.6.4	Gabungan pengaruh Kepimpinan Instruksional, Kualiti guru dan Sokongan PIBG dan Komuniti mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan	362





terhadap Pencapaian akademik Murid sekolah
(Kemenjadian Murid).

4.7	Ringkasan Rumusan Hipotesis Kajian	363
-----	------------------------------------	-----

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	365
-----	-------------	-----

5.2	Ringkasan Kajian	366
-----	------------------	-----

5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	368
-----	-----------------------------	-----

5.3.1	Tahap Kepimpinan Instruksional, Kualiti guru dan Sokongan PIBG dan Komuniti dalam kalangan guru.	372
-------	--	-----

5.3.2	Perbezaan Kepimpinan Instruksional, Kualiti guru dan Sokongan PIBG dan Komuniti berdasarkan ciri demografi	377
-------	--	-----

5.3.3	Hubungan antara sub-skala Kepimpinan Instruksional, Kualiti guru dan Sokongan PIBG dan Komuniti dengan Peningkatan akademik murid sekolah	379
-------	---	-----

5.3.4	Hubungan dan Pengaruh Kepimpinan Instruksional, Kualiti guru dan Sokongan PIBG dan Komuniti terhadap Pencapaian akademik murid sekolah.	383
-------	---	-----

5.4	Implikasi Kajian	383
-----	------------------	-----

5.4.1	Implikasi Dasar dan polisi	384
-------	----------------------------	-----

5.4.2	Implikasi teori	386
-------	-----------------	-----

5.4.3	Implikasi Sokongan PIBG dan Komuniti.	393
-------	---------------------------------------	-----

5.4.4	Implikasi Praktikal	397
-------	---------------------	-----

5.5	Sumbangan Kajian	404
-----	------------------	-----

5.6	Limitasi Kajian dan Cadangan Kajian Lanjutan	417
-----	--	-----

5.7	Rumusan	422
-----	---------	-----

RUJUKAN		426
----------------	--	-----

LAMPIRAN		437
-----------------	--	-----



**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Dimensi dan fungsi dalam kerangka kepimpinan instruksional	92
2.2	Kajian Tentang Kepemimpinan Instruksional	99
2.3	Model-Model Kepimpinan Instruksional	101
3.1	Bilangan sekolah, populasi guru dan sampel guru di pejabat pendidikan daerah kota belud	211
3.2	Sampel dan populasi mengikut Sekolah Rendah di Pejabat Pendidikan Daerah Kota Belud	216
3.3	Maksud Nilai Dalam Julat Skala	219
3.4	Ringkasan Kandungan Soal Selidik	219
3.5	Skala Pengukuran Dalam Penyelidikan	220
3.6	Kesesuaian Item Statistik Mengikut Skala Pengukuran	223
3.7	Pekali Alpha Cronbach bagi Kepimpinan Instruksional	229
3.8	Pekali Alpha Cronbach bagi Kualiti guru Kajian Rintis	230
3.9	Profil pakar penilai alat kajian	233
3.10	Kesahan kandungan tahap kepimpinan intruksional guru besar	235
3.11	Kesahan kandungan tahap kualiti guru	237
3.12	Kesahan kandungan tahap sokongan PIBG	238
3.13	Muatan Faktor Setiap Item (n=100)	241
3.14	Indeks Analisis Faktor Penerokaan (EFA)	244
3.15	KMO dan Initial Eigenvalues	245
3.16	Pekali Alpha Cronbach	252
3.17	Kekuatan Hubungan Mengikut Nilai Korelasi	269
3.18	Aras Kekuatan Pengaruh Antara Konstruk	274





3.19	Ringkasan analisis berdasarkan objektif kajian	298
4.1	Nilai kepencongan dan kurtosis	303
4.2	Dapatan Ujian kebolehpercayaan	307
4.3	Jantina	309
4.4	Umur	309
4.5	Pengalaman Mengajar	310
4.6	Kelayakan Akademik	311
4.7	Kelayakan Ikhtisas	311
4.8	Statistik Deskriptif Pemboleh Ubah Kepimpinan Intruksional Guru Besar	316
4.9	Min dan Sisihan Piawai bagi item dibawah Pemboleh Ubah Kepimpinan Intruksional Guru Besar	317
4.10	Statistik Deskriptif Pemboleh Ubah Kualiti Guru	318
4.11	Min dan Sisihan Piawai bagi item dibawah Pemboleh Ubah Kualiti Guru	323
4.12	Statistik Deskriptif Pemboleh Ubah Sokongan PIBG Dan Komuniti	322
4.13	Min dan Sisihan Piawai bagi item dibawah Pemboleh Ubah Sokongan PIBG Dan Komuniti	326
4.14	Perbezaan Kepimpinan Instruksional berdasarkan jantina	324
4.15	Perbezaan Kualiti Guru Berdasarkan Jantina	325
4.16	Perbezaan Sokongan PIBG dan Komuniti berdasarkan jantina	326
4.17	Perbezaan Kepimpinan Instruksional, Kualiti guru dan Sokongan PIBG dan Komuniti berdasarkan jantina	330
4.18	Perbezaan Kepimpinan Instruksional berdasarkan umur	328
4.19	Perbezaan Kepimpinan Instruksional berdasarkan pengalaman mengajar	332
4.20	Perbezaan Kepimpinan Instruksional berdasarkan kelayakan akademik tertinggi	333
4.21	Perbezaan Kepimpinan Instruksional berdasarkan kelayakan ikhtisas	331
4.22	Perbezaan Kualiti guru berdasarkan umur	332





4.23	Perbezaan Kualiti guru berdasarkan pengalaman mengajar	333
4.24	Perbezaan Kualiti guru berdasarkan kelayakan akademik tertinggi	334
4.25	Perbezaan Kualiti guru berdasarkan kelayakan ikhtisas	334
4.26	Perbezaan Sokongan PIBG dan Komuniti berdasarkan umur	335
4.27	Perbezaan Sokongan PIBG dan Komuniti berdasarkan pengalaman mengajar	339
4.28	Perbezaan Sokongan PIBG dan Komuniti berdasarkan kelayakan akademik tertinggi	340
4.29	Perbezaan Sokongan PIBG dan Komuniti berdasarkan kelayakan ikhtisas	341
4.30	Perbezaan Kepimpinan Instruksional, Kualiti guru dan Sokongan PIBG dan Komuniti berdasarkan umur	342
4.31	Perbezaan Kepimpinan Instruksional, Kualiti guru dan Sokongan PIBG dan Komuniti berdasarkan pengalaman mengajar	344
4.32	Perbezaan Kepimpinan Instruksional, Kualiti guru dan Sokongan PIBG dan Komuniti berdasarkan kelayakan akademik tertinggi	345
4.33	Perbezaan Kepimpinan Instruksional, Kualiti guru dan Sokongan PIBG dan Komuniti berdasarkan kelayakan ikhtisas	347
4.34	Korelasi antara sub-skala Kepimpinan Instruksional dengan Pencapaian akademik murid sekolah	349
4.35	Korelasi antara sub-skala Kualiti guru dengan Pencapaian akademik Murid sekolah	350
4.36	Korelasi antara sub-skala Kepimpinan Instruksional dengan Pencapaian akademik murid sekolah	351
4.37	Korelasi antara sub-skala Kualiti guru dengan Pencapaian akademik Murid sekolah	352
4.38	Korelasi antara Kepimpinan Instruksional dengan Pencapaian akademik murid sekolah	353
4.39	Korelasi antara Kualiti guru dengan Pencapaian akademik Murid sekolah	354
4.40	Korelasi antara Sokongan PIBG dan Komuniti dengan Pencapaian akademik Murid sekolah	355
4.41	Rumusan dapatan analisis korelasi	353





4.42	Pengaruh antara Kepimpinan Instruksional terhadap Pencapaian akademik murid sekolah	358
4.43	Pengaruh antara Kualiti guru terhadap Pencapaian akademik Murid sekolah	360
4.44	Pengaruh antara Sokongan PIBG dan Komuniti terhadap Pencapaian akademik murid sekolah	362
4.45	Pengaruh antara Kepimpinan Instruksional, Kualiti guru dan Sokongan PIBG dan Komuniti terhadap Pencapaian akademik Murid sekolah	365
4.46	Rumusan Hipotesis Kajian	363
5.1	Fungsi dan unsur-unsur model kepimpinan pengajaran Murphy dan Hallinger (1985)	394



**SENARAI RAJAH**

No.Rajah		Muka Surat
1.1	Model Kepimpinan Instruksional Hallinger dan Murphy (1985)	32
1.2	Model Standard Guru Malaysia (SGM) 2010	34
1.3	Kerangka Teoritik	35
1.4	Teori Pembangunan Sistem Ekologi Urie Bronfenbrenner	42
1.5	Kerangka Konseptual Kajian	45
2.1	Teori Tekanan Akademik	95
2.2	Teori Hubungan Tingkah Laku Pengetua dengan Pembelajaran Pelajar	96
2.3	Teori Interaksi Pengetua dengan Guru	97
2.4	Model Kepimpinan Instruksional Hallinger dan Murphy (1985)	105
2.5	Teori Pembangunan Sistem Ekologi Urie Bronfenbrenner	156
2.6	Model Pendidikan Berkualiti 6S	163
2.7	Insan Holistik. Diadaptasi daripada, Mohd Koharuddin, (2005)	167
3.1	Kerangka Hipotesis Kajian	201
3.2	Proses Pemilihan Sampel Rawak Berstrata	211
3.3	Menentukan Perkadaran Sampel	214
3.4	Histogram Kepimpinan Instruksional Guru Besar (KIGB)	281
3.5	Histogram Kualiti Guru (KG)	281
3.6	Histogram Sokongan PIBG dan Komuniti (SPK)	282
3.7	Histogram Peningkatan Akademik Murid (PAM)	283
3.8	Normal Q-Q Plot Kepimpinan Instruksional Guru Besar (KIGB)	284
3.9	Normal Q-Q Plot Kualiti Guru (KG)	285
3.10	Normal Q-Q Plot Sokongan PIBG dan Komuniti (SPK)	285



3.11	Normal Q-Q Plot Peningkatan Akademik Murid (PAM)	286
3.12	Contoh Plot Taburan Skor	286
3.13	Contoh Plot regresi Normal Skor Efikasi Kendiri	294
3.14	Boxplot Kepimpinan Instruksional Guru Besar (KIGB)	295
3.15	Boxplot Kualiti Guru (KG)	296
3.16	Boxplot Sokongan PIBG dan Komuniti (SPK)	296
3.17	Boxplot Peningkatan Akademik Murid (PAM)	297
4.1	Pengaruh antara Kepimpinan Instruksional, Kualiti guru dan Sokongan PIBG dan Komuniti terhadap Pencapaian akademik Murid sekolah	365



SENARAI SINGKATAN

AS	Amerika Syarikat
ASEAN	The Association of Southeast Asian Nations
AUKU	Akta Universiti dan Kolej
BERSIH	Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil
CCTV	Closed-circuit Television
CMA	Akta Komunikasi dan Multimedia
GST	Goods and Services Tax
HSR	Himpunan Solidariti Rakyat
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
ISA	Akta Keselamatan Dalam Negeri
IR4	Fourth Industrial Revolution
KAP	Model (Knowledge, Attitude and Practise)
NIRT	National Iranian Radio and Television
SOSMA	Akta Kesalahan Keselamatan langkah-langkah Khas
SPSS	Statistical Package for Social Sciences
UDHR	Universal Declaration of Human Rights
UMNO	United Malays National Organisation
UK	United Kingdom



SENARAI LAMPIRAN

A Borang Soal Selidi



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia menghadapi cabaran besar dalam persaingan global abad ke-21, terutamanya dalam bidang pendidikan. Matlamat utama adalah untuk meningkatkan pencapaian akademik murid dalam menghadapi pelbagai cabaran ini. Cabaran tersebut bukan sahaja dirasakan di peringkat global, tetapi juga di peringkat sekolah. Sekolah, sebagai organisasi penting dalam sistem pendidikan, bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar dan arahan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Cabaran ini jelas dapat dilihat melalui laporan TIMSS dan PISA. TIMSS adalah penilaian antarabangsa yang berasaskan kurikulum sekolah, menilai pencapaian murid dalam subjek Matematik dan Sains di peringkat global. Penilaian ini memberikan gambaran tentang kekuatan dan kelemahan sistem pendidikan dalam menyediakan murid dengan kemahiran asas dalam bidang ini. Sementara itu, PISA, yang diselenggarakan





oleh OECD, dijalankan setiap tiga tahun untuk menilai kecekapan murid berumur 15 tahun dalam membaca, matematik, dan sains. Penilaian ini bertujuan untuk mengukur kemampuan murid dalam menggunakan pengetahuan dan kemahiran mereka untuk menyelesaikan masalah dalam konteks kehidupan sebenar. Hasil dari TIMSS dan PISA memberikan pandangan yang mendalam tentang bagaimana sistem pendidikan Malaysia berfungsi dalam konteks global dan menyoroti kawasan-kawasan yang memerlukan peningkatan untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

Ketika Malaysia menyertai TIMSS buat pertama kali pada tahun 1999, prestasi murid dalam subjek Matematik dan Sains adalah memberangsangkan, dengan skor purata melebihi tahap antarabangsa dalam kedua-dua subjek tersebut. Namun, situasi ini mengalami perubahan ketara pada tahun 2007 apabila prestasi Malaysia menunjukkan penurunan yang signifikan. Skor purata murid Malaysia dalam Matematik dan Sains jatuh di bawah tahap purata antarabangsa, yang mengakibatkan kemerosotan kedudukan negara dalam penilaian antarabangsa tersebut. Lebih membimbangkan lagi, peratusan murid yang gagal mencapai tahap minimum dalam kedua-dua subjek juga meningkat dengan mendadak. Pada tahun 2007, 18% murid gagal mencapai tahap minimum dalam Matematik, dan 20% dalam Sains, berbanding hanya 7% dan 5% pada tahun 2003. Ini menunjukkan peningkatan dua hingga empat kali ganda dalam kegagalan untuk mencapai standard minimum yang ditetapkan, seperti yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM). Penurunan ini menyoroti keperluan mendesak untuk reformasi dalam sistem pendidikan bagi memastikan murid Malaysia dapat bersaing dengan lebih baik di peringkat antarabangsa.





Keputusan PISA 2009+ mencerminkan prestasi awal Malaysia yang kurang memuaskan, dengan negara berada dalam sepertiga terendah daripada 74 negara peserta. Pencapaian ini bukan sahaja meletakkan Malaysia di bawah purata antarabangsa tetapi juga di bawah purata negara-negara OECD dalam Matematik, Bacaan, dan Sains. Lebih membimbangkan, hampir 60% murid berumur 15 tahun yang menyertai PISA gagal mencapai tahap kemahiran minimum dalam Matematik, manakala 44% gagal dalam Bacaan dan 43% dalam Sains. Ini menunjukkan majoriti murid Malaysia menghadapi cabaran besar dalam mencapai standard kemahiran yang diperlukan di peringkat antarabangsa.

Salah satu matlamat utama dalam sistem pendidikan adalah untuk memastikan kesaksamaan pencapaian murid di seluruh negara. Namun, ketidakseimbangan dalam



pencapaian pendidikan masih wujud dan menjadi isu yang membimbangkan. ptbupsi

Ketidakseimbangan ini jelas terlihat dalam keputusan Ujian akhir sesi akademik (UASA), di mana terdapat jurang pencapaian sekitar 4% antara murid di sekolah bandar dan luar bandar. Data ini menunjukkan bahawa murid dari kawasan luar bandar cenderung ketinggalan dalam mencapai standard pendidikan yang sama dengan rakan-rakan mereka di kawasan bandar, seperti yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM). Isu ini menekankan perlunya usaha tambahan untuk mengatasi jurang pendidikan dan memastikan bahawa semua murid, tidak kira lokasi mereka, mempunyai peluang yang sama untuk mencapai kejayaan akademik.

Pada bulan Oktober 2011, Kementerian Pendidikan Malaysia menjalankan kajian menyeluruh terhadap sistem pendidikan negara untuk membangunkan Pelan Pembangunan Pendidikan baru. Hasil daripada kajian ini ialah Pelan Pembangunan





Pendidikan Malaysia 2013-2025, yang dirangka untuk memenuhi aspirasi tinggi dalam menghadapi era persaingan global yang semakin sengit. Pelan ini menyediakan kerangka pembangunan yang komprehensif untuk mentransformasi sistem pendidikan Malaysia sehingga tahun 2025.

Transformasi yang dicadangkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 melibatkan penetapan lima aspirasi sistem dan enam ciri pelajar yang diharapkan untuk dicapai dalam tempoh 13 tahun dari 2013 hingga 2025. Pelan ini merupakan usaha transformasi besar yang merangkumi semua peringkat pendidikan, dengan matlamat utama untuk melahirkan individu berkualiti yang dapat menyumbang kepada kemajuan negara. Pelaksanaan Pelan ini dibahagikan kepada tiga fasa utama. Fasa pertama, yang berlangsung dari tahun 2013 hingga 2015, memberi tumpuan



kepada mempercepatkan perubahan sistem pendidikan melalui beberapa inisiatif kritikal. Fokus utama Fasa 1 adalah pada peningkatan kualiti pengajaran, pengukuhan kepimpinan sekolah, dan peningkatan kemahiran dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, serta matematik. Di akhir Fasa 1, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan memastikan bahawa semua guru, pengetua, dan sekolah mencapai tahap standard minimum yang telah ditetapkan. Usaha ini bertujuan untuk memastikan bahawa asas pendidikan di Malaysia diperkuatkan dengan standard yang tinggi, yang akan membolehkan pencapaian akademik yang lebih baik dalam fasa-fasa berikutnya.

Gelombang Kedua (2016-2020) merupakan fasa krusial dalam proses transformasi pendidikan Malaysia. Dalam tempoh ini, Kementerian Pendidikan Malaysia berkomitmen untuk melaksanakan perubahan mendalam terhadap struktur pendidikan dengan tujuan untuk mempercepatkan kemajuan dan memastikan





kelestarian hasil transformasi yang dicapai dalam Gelombang Pertama. Salah satu langkah utama dalam Gelombang Kedua ialah pemindahan dan penempatan semula sebanyak 410,000 guru serta 10,000 pemimpin sekolah ke dalam pakej kerjaya yang baru. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan profesionalisme dan motivasi dalam kalangan pendidik, yang merupakan kunci utama dalam memajukan kualiti pendidikan. Selain itu, Kementerian Pendidikan juga akan melalui proses penstrukturan semula untuk menyokong pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini dengan lebih efisien. Penstrukturan ini dirancang untuk memperkukuhkan asas pendidikan negara dan memastikan sistem pendidikan Malaysia dapat menghadapi cabaran masa depan dengan lebih berdaya saing dan berkesan. Dengan strategi ini, Gelombang Kedua bertujuan untuk memastikan bahawa transformasi pendidikan Malaysia bukan sahaja berterusan tetapi juga berkembang dengan lebih mantap dan berkesan.



Gelombang Ketiga (2021-2025) merupakan fasa terakhir dalam transformasi pendidikan Malaysia, yang bertujuan untuk mencapai kecemerlangan sistem pendidikan melalui peningkatan fleksibiliti operasi. Pada fasa ini, Kementerian Pendidikan Malaysia mensasarkan agar semua sekolah, guru, dan pengetua dapat melepasi standard minimum yang telah ditetapkan. Dalam fasa ini, Kementerian akan beralih kepada model pengurusan berasaskan sekolah, yang memberikan otonomi yang lebih besar kepada sekolah dalam membuat keputusan berkaitan pengajaran dan pembelajaran. Ini termasuk pelaksanaan model kejayaan sekolah yang berasaskan inovasi dalam pengajaran, yang dirancang untuk memperkukuhkan pencapaian akademik murid. Rancangan ini bertujuan untuk memberi lebih banyak kuasa dan tanggungjawab kepada sekolah, membolehkan mereka menyesuaikan strategi pengajaran dan kurikulum dengan keperluan spesifik murid mereka. Dengan





memberikan lebih banyak autonomi kepada sekolah, Gelombang Ketiga diharapkan dapat meningkatkan daya saing dalam sektor pendidikan dan memastikan bahawa setiap sekolah dapat memenuhi keperluan pendidikan pelajarnya secara lebih efektif.

Prestasi sekolah dipengaruhi oleh keseluruhan sistem pendidikan yang berfungsi secara kolektif untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi pencapaian akademik serta perkembangan holistik pelajar. Kualiti pengurusan kepimpinan memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan kecemerlangan sekolah. Pemimpin sekolah, termasuk pengetua dan guru besar, mempunyai tanggungjawab utama dalam memandu organisasi sekolah ke arah kejayaan yang berterusan. Mereka mempengaruhi secara langsung budaya sekolah, suasana pembelajaran, dan pencapaian keseluruhan sekolah (Jamilah & Yusof, 2011).

Kepimpinan yang berkesan dapat membentuk strategi, menetapkan matlamat, dan memotivasi semua anggota sekolah untuk mencapai kecemerlangan. Selain itu, pemimpin yang berdedikasi mampu mencipta persekitaran yang menyokong dan memupuk pertumbuhan akademik serta pembangunan peribadi pelajar.

Menurut Juhana (2007), pemimpin utama seperti guru besar atau pengetua memainkan peranan yang sangat kritikal dalam sistem ekologi persekolahan. Kejayaan atau kegagalan sesuatu sekolah banyak bergantung pada kualiti kepimpinan mereka. Kelemahan dalam kepimpinan dapat menyebabkan kemunduran dan penurunan prestasi sekolah secara keseluruhan. Sebagai individu yang bertanggungjawab atas semua aktiviti di sekolah, pemimpin ini juga berfungsi sebagai pakar konsultasi, penasihat, dan koordinator program pengajaran. Mereka perlu meluangkan masa yang cukup untuk menyokong aktiviti profesional guru dan pelajar, serta memastikan





pelaksanaan program dan strategi pendidikan berjalan dengan lancar (Hussien Mahmood, 2008). Kualiti kepimpinan yang baik dalam konteks ini melibatkan kemampuan untuk memotivasi dan memimpin pasukan, merancang dan melaksanakan inisiatif pendidikan yang berkesan, serta mencipta persekitaran pembelajaran yang menyokong kejayaan akademik dan perkembangan holistik pelajar.

Kecemerlangan sekolah memerlukan reformasi dalaman yang menyeluruh, melibatkan perubahan dalam budaya sekolah, amalan, sikap individu, dan sokongan daripada pemimpin sekolah. Menurut Senge (2006) dan Gates, Mythrvold, serta Rinearson (1996), tenaga kerja yang berpengetahuan perlu bersedia menerima dan mengadaptasi perubahan untuk mencapai kecemerlangan. Kajian oleh Pashiardis (2000) menunjukkan bahawa pemimpin sekolah mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap budaya kerja guru, komunikasi, dan pencapaian pelajar, menyokong pandangan Schein (2004) bahawa budaya sekolah terbentuk dan dikendalikan melalui kepimpinan yang efektif. Oleh itu, pentadbir sekolah harus memfokuskan usaha mereka untuk membangunkan individu sebagai aset berkualiti dalam sistem pendidikan. Ini termasuk menyediakan sokongan yang diperlukan untuk pembangunan profesional guru, memperkukuhkan amalan terbaik dalam pengajaran, dan membina persekitaran sekolah yang kondusif bagi pencapaian akademik dan pembangunan pelajar secara keseluruhan.

Gaya kepimpinan instruksional pemimpin merupakan aspek kritikal dalam menjadikan sekolah berkesan dan mencapai kecemerlangan. Penelitian menunjukkan bahawa kepimpinan instruksional yang baik memberi impak positif terhadap keberkesanan sekolah dan pencapaian akademik pelajar (Ibrahim, Sani & Rosemawati,





2015; Yusri & Aziz, 2014; Gulcan, 2012; Jamelaa, 2012; Buckner, 2011; Hallinger, 2011). Kepimpinan yang proaktif dan menyokong amalan terbaik dalam pengajaran serta pembangunan profesional guru akan meningkatkan persekitaran pembelajaran dan mendorong kejayaan pelajar.

Kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memajukan pendidikan sejak Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970) hingga Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020). Sebagai contoh, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000), terdapat peningkatan peruntukan untuk pendidikan, termasuk RM182 juta yang diperuntukkan khusus untuk pelajar miskin di kawasan luar bandar. Ini bertujuan untuk mengurangkan jurang pendidikan antara kawasan bandar dan luar bandar serta meningkatkan akses pendidikan kepada golongan kurang berkemampuan. Selain itu, dalam Belanjawan Negara 2003, kerajaan memperuntukkan RM5 bilion untuk program latihan guru yang dirancang dari tahun 2002 hingga 2008. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dengan memperkukuhkan kemahiran dan pengetahuan guru, yang merupakan elemen penting dalam memperbaiki pencapaian akademik murid dan keseluruhan sistem pendidikan negara.

Kerajaan Malaysia berkomitmen untuk menyediakan pendidikan berkualiti kepada semua lapisan masyarakat, termasuk sekolah-sekolah luar bandar di Sabah. Dalam Belanjawan 2020, dengan tema "Memancu Perubahan dan Keberhasilan Saksama Ke arah Kemakmuran bersama", kerajaan memperuntukkan RM60.2 bilion untuk pendidikan pada tahun 2019 dan RM64.1 bilion pada tahun 2020. Peruntukan ini termasuk RM738 juta yang khusus disalurkan untuk memperbaiki dan memodenkan sekolah daif di Sabah dan Sarawak. Langkah ini mencerminkan dedikasi kerajaan





dalam melabur untuk masa depan generasi akan datang, dengan harapan untuk mengatasi ketidakseimbangan pendidikan antara kawasan bandar dan luar bandar serta meningkatkan akses dan kualiti pendidikan di seluruh negara.

Walaupun terdapat peningkatan dalam prestasi akademik pelajar, terutamanya di sekolah-sekolah luar bandar, terdapat persoalan mengenai sejauh mana faktor-faktor seperti kepemimpinan instruksional, kualiti guru, dan sokongan PIBG seperti yang dinyatakan dalam Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25)—mempengaruhi pencapaian akademik tersebut. Memastikan penggunaan sumber yang berkesan dan memahami impak faktor-faktor ini adalah penting untuk memaksimumkan manfaat pelaburan dalam pendidikan dan mencapai matlamat pendidikan yang lebih tinggi.



2,045 sekolah luar bandar, usaha untuk mencapai kemenjadian pelajar merupakan satu cabaran yang sangat besar dan penuh dengan pelbagai kompleksiti. Kepelbagaian latar belakang murid yang luas serta perbezaan ketara antara sekolah di kawasan bandar dan luar bandar turut menambah lagi kerumitan yang perlu ditangani. Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu mengambil langkah proaktif dengan menetapkan garis panduan yang standard, menyeluruh, dan komprehensif untuk menilai pencapaian kemenjadian murid secara holistik. Penilaian ini bukan sahaja harus merangkumi aspek akademik tetapi juga sahsiah dan kemahiran hidup, dengan matlamat untuk memastikan bahawa setiap murid, tanpa mengira lokasi geografi atau latar belakang sosioekonomi mereka, mampu mencapai potensi penuh dalam pelbagai dimensi kehidupan.





Pada tahun 2010, kerajaan Malaysia memperkenalkan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPMg) sebagai satu inisiatif strategik untuk meningkatkan kemenjadian pelajar secara menyeluruh, merangkumi aspek akademik, kokurikulum, dan sahsiah. SKPMg ini berperanan sebagai panduan penting yang mengarahkan sekolah-sekolah di seluruh negara dalam usaha menyediakan pendidikan yang berkualiti tinggi dan bersifat holistik. Melalui panduan ini, penekanan diberikan bukan sahaja kepada pencapaian akademik, tetapi juga kepada pengembangan karakter, kemahiran sosial, dan nilai-nilai moral pelajar.

Untuk menghadapi cabaran abad ke-21 yang semakin kompleks dan kompetitif, kerajaan Malaysia telah melaksanakan Transformasi Pendidikan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Pelan strategik ini bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran baharu yang relevan dan kritikal agar mereka dapat bersaing dengan lebih berkesan di peringkat global. Transformasi ini merangkumi penyesuaian dan pembaharuan dalam sistem pendidikan, termasuk pengintegrasian teknologi moden secara meluas, serta penerapan pendekatan pengajaran yang lebih inovatif dan interaktif. Semua ini dilakukan dengan matlamat untuk mempersiapkan generasi muda negara bukan sahaja untuk memahami dan mengatasi cabaran dunia yang semakin global, tetapi juga untuk memainkan peranan penting sebagai warganegara global yang kompeten, berpengetahuan, dan berdaya saing.

Untuk meningkatkan standard pendidikan di Malaysia secara keseluruhan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan beberapa program strategik, seperti Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) dan Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25). Di Kota Belud, sebanyak 16 sekolah telah terpilih sebagai sekolah





transformasi TS25, manakala sebuah sekolah lagi dianugerahkan status sebagai sekolah Prospek. Program TS25 ini bertujuan untuk menjadikan sekolah-sekolah ini sebagai peneraju dalam kepemimpinan pendidikan, dengan penekanan khusus pada peningkatan kualiti guru, sokongan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Melalui pendekatan menyeluruh ini, matlamat utama adalah untuk meningkatkan kualiti sekolah secara keseluruhan dan, seterusnya, mempertingkatkan prestasi akademik dan sahsiah pelajar, agar mereka dapat mencapai kecemerlangan dalam persekitaran pendidikan yang semakin mencabar dan dinamik.

Pada Ogos 2018, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara dan Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK). Jawatankuasa ini bertindak sebagai entiti bebas yang diberi mandat untuk meneliti dan mengkaji dasar-dasar pendidikan negara secara mendalam, termasuklah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dan 2015-2025. Fokus utama kajian ini adalah untuk menilai sejauh mana pencapaian kemenjadian murid telah direalisasikan sebagai sebahagian daripada wawasan kemakmuran bersama negara dan inisiatif Transformasi Nasional 2050 (TN50). Dengan pendekatan ini, jawatankuasa tersebut berusaha memastikan bahawa dasar-dasar pendidikan yang diterapkan tidak hanya selaras dengan aspirasi negara, tetapi juga mampu membentuk generasi masa depan yang cemerlang dalam pelbagai aspek kehidupan, selaras dengan matlamat jangka panjang pembangunan negara.





1.2 Latar Belakang Kajian

Sejak merdeka, kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik untuk memastikan negara terus maju dan berdaya saing di peringkat global. Dalam usaha ini, pembangunan sistem pendidikan Malaysia telah menjadi salah satu agenda utama yang diberi keutamaan, dengan matlamat untuk mencapai taraf pendidikan bertaraf dunia. Fokus utamanya adalah pada pengukuhan kurikulum, kokurikulum, serta pembentukan sahsiah murid, sebagaimana yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2012). Untuk merealisasikan aspirasi tinggi ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merangka Pelan Pendidikan Malaysia (PPM) 2013-2025, yang bertujuan untuk membuka peluang yang lebih luas bagi generasi rakyat yang berpendidikan tinggi dan berdaya saing.



Kementerian Pelajaran Malaysia berhasrat untuk memastikan kejayaan murid dalam aspek Kurikulum, Kokurikulum, dan Sahsiah Murid, seperti yang dinyatakan dalam dokumen rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2012. Bagi mencapai matlamat ini, kementerian telah mengusulkan pelbagai inisiatif yang strategik dan berimpak tinggi, termasuk Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25), yang mendapat kelulusan dalam Mesyuarat Majlis Ekonomi Bil. 2/2015 pada 19 Januari 2015. Program TS25 ini dirancang dengan teliti untuk melaksanakan perubahan menyeluruh dalam sistem sekolah di Malaysia, dengan fokus utama pada peningkatan kualiti pendidikan, pemeraksanaan kepimpinan sekolah, dan pengintegrasian inovasi dalam kurikulum serta pendekatan pengajaran. Melalui usaha ini, KPM bertujuan memastikan bahawa sekolah-sekolah di seluruh negara tidak hanya mencapai standard pendidikan yang tinggi tetapi juga mewujudkan persekitaran pembelajaran yang





optimal, di mana setiap murid dapat berkembang secara holistik dan bersedia untuk menghadapi cabaran masa depan dengan penuh keyakinan.

Objektif utama Program Transformasi Sekolah adalah untuk mengaplikasikan amalan pengajaran terbaik yang dapat meningkatkan hasil pendidikan secara keseluruhan. Program ini memberikan fokus utama kepada peningkatan kepakaran melalui latihan komprehensif yang disediakan untuk pembimbing pedagogi (SiC+) dan pembimbing kepimpinan (SiPartnes+). Latihan yang ditawarkan ini bertujuan memastikan sokongan berkualiti tinggi kepada guru dan pemimpin sekolah, dengan pendekatan yang berasaskan bukti dan amalan terbaik dalam pendidikan. Selain itu, Program Transformasi Sekolah juga memberi penekanan yang kuat kepada pembangunan persekitaran pembelajaran yang efektif. Ini termasuk memberikan ruang dan sumber yang mencukupi untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran murid serta menyokong pencapaian akademik dan perkembangan holistik mereka secara berterusan. Matlamat keseluruhannya adalah untuk mencipta suasana sekolah yang dinamik, berdaya saing, dan berorientasikan kejayaan pelajar, dengan tumpuan khusus pada pencapaian kecemerlangan pendidikan dan perkembangan menyeluruh murid.

Standard 5 dalam SKPMg2 mendefinisikan kemenjadian murid sebagai proses pendidikan yang holistik dan menyeluruh. Konsep kemenjadian murid merangkumi pengurusan sekolah yang cekap dan sistematik, yang bertujuan untuk membantu setiap murid mencapai potensi maksimum mereka dalam pelbagai dimensi, termasuk pengetahuan, kemahiran akademik, kecekapan praktikal, integriti moral, dan tanggungjawab sosial. Selain memberikan penekanan yang kuat kepada pencapaian akademik, SKPMg2 juga menekankan pentingnya kecemerlangan dalam aspek





kokurikulum dan pembentukan sahsiah. Dengan pendekatan ini, diharapkan murid dapat berkembang secara menyeluruh dan berjaya dalam pelbagai aspek kehidupan mereka.

Untuk mencapai kejayaan dalam bidang akademik, tumpuan perlu diberikan kepada Ujian akhir sesi akademik (UASA) yang merupakan indikator penting. Kajian ini bertujuan untuk menilai pencapaian akademik murid dengan menggunakan Gred Purata Sekolah (GPS) UASA untuk tahun 2022, 2023, dan 2024 sebagai ukuran utama. Fokus utama kajian ini adalah untuk memahami dengan lebih mendalam bagaimana faktor-faktor seperti Kepimpinan Instruksional oleh Guru Besar, kualiti guru, serta sokongan daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta komuniti mempengaruhi pencapaian akademik murid di sekolah-sekolah rendah yang terletak di Pejabat Pendidikan Daerah Kota Belud Sabah. Dalam banyak kajian terdahulu, prestasi pelajar sering dianggap sebagai indikator utama untuk mengukur kejayaan dan kecemerlangan sekolah, seperti yang dinyatakan oleh Beck dan Murphy (1996). Dengan menganalisis pengaruh faktor-faktor ini, kajian ini bertujuan untuk memberikan pandangan yang lebih jelas mengenai bagaimana faktor-faktor tersebut berinteraksi dan menyumbang kepada pencapaian akademik murid, serta bagaimana mereka boleh dioptimumkan untuk meningkatkan kualiti pendidikan di kawasan luar bandar.

Para pemimpin pendidikan perlu mempunyai pemahaman yang mendalam mengenai aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta memiliki visi yang selaras dengan matlamat tersebut. Dengan pemahaman dan keselarasan ini, pelaksanaan dasar dan inisiatif KPM akan menjadi lebih lancar dan efektif. Oleh itu, pemimpin sekolah tidak hanya perlu mengembangkan dan merancang program yang relevan dan inovatif, tetapi juga memastikan program-program tersebut sejajar dengan





tujuan kerajaan untuk meningkatkan sistem pendidikan secara global. Dengan demikian, mereka dapat memainkan peranan penting dalam menghasilkan individu yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, tetapi juga kompetitif dalam pelbagai aspek kehidupan, selaras dengan matlamat jangka panjang pendidikan negara.

Keseluruhan kejayaan sekolah sangat bergantung pada sistematik, nilai-nilai, dan budaya yang diterapkan oleh komuniti sekolah secara keseluruhan. Pengetua atau guru besar memainkan peranan yang sangat penting dalam mencapai keunggulan sekolah, dan mereka bertanggungjawab dalam merancang serta mengimplementasikan pelbagai program pendidikan yang dirangka. Penyelidikan terdahulu menunjukkan bahawa keberkesanan pengurusan oleh pemimpin sekolah adalah kunci utama untuk memastikan kestabilan dan keberkesanan organisasi sekolah. Sebagai contoh, kajian oleh Shahril dan Faizal (2010), Alimuddin (2006, 2010), Juhana (2007), Mujis dan Harris (2007), Hussein Mahmood (2005), Shukor (2004), dan Simkins et al. (2003) telah menunjukkan bahawa pengurusan yang cekap dan kepimpinan yang berwibawa adalah faktor penentu utama dalam mencapai kejayaan dan kestabilan dalam konteks pendidikan sekolah.

Kajian terkini menunjukkan bahawa model kepimpinan tradisional seperti teori transformasional dan teori situasi mungkin tidak mencukupi untuk sepenuhnya menjelaskan pengaruh kepimpinan terhadap pembelajaran pelajar. Penyelidik telah mencadangkan agar kepimpinan sekolah harus lebih berfokus kepada amalan kepimpinan instruksional dan pendekatan yang berpusatkan pembelajaran. Menurut Hallinger (2011), Robinson et al. (2008), Leithwood et al. (2006; 2004), Bell et al. (2003), dan Southworth (2003; 2002), kepimpinan yang berkesan dalam konteks





pendidikan harus melibatkan penggunaan strategi-strategi yang menyokong dan memperkukuh proses pengajaran dan pembelajaran. Ini termasuk memberikan panduan yang jelas kepada guru, serta mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan positif. Dengan pendekatan ini, diharapkan dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar secara keseluruhan, serta mempromosikan pengalaman pembelajaran yang lebih baik dan berkesan di dalam bilik darjah.

Pelbagai teori kepimpinan seperti teori perwatakan, teori perlakuan, dan teori transformasi telah dikembangkan dan diaplikasikan dalam pelbagai jenis organisasi, termasuk pendidikan, dengan menghasilkan hasil yang positif. Salah satu model kepimpinan yang khusus dibangunkan untuk konteks pendidikan ialah Kepimpinan Instruksional. Model ini melibatkan tindakan strategik oleh pengetua serta pemberian kuasa kepada guru untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran.

Kepimpinan Instruksional bertujuan untuk mencipta suasana kerja yang produktif dan mendukung persekitaran pembelajaran yang kondusif bagi pelajar, seperti yang dinyatakan oleh Celiken (2001). Dalam kerangka ini, pengetua berperanan penting dalam meningkatkan iklim pengajaran dengan memberikan sokongan yang berterusan kepada guru, menetapkan matlamat yang jelas, dan memastikan komunikasi yang efektif dengan semua pihak berkepentingan di sekolah. Pendekatan ini bertujuan untuk memperkukuhkan proses pengajaran dan pembelajaran, serta meningkatkan kualiti pendidikan secara keseluruhan.

Pada awal 1980-an, kajian mengenai Kepimpinan Instruksional mula dijalankan seiring dengan penyelidikan tentang sekolah yang efektif, yang menyoroti peranan penting pengetua sebagai faktor utama dalam kejayaan akademik. Kajian-kajian





relevan yang menyokong pandangan ini termasuk karya oleh Ibrahim et al. (2015), Rahimi dan Yusri (2014; 2015), Hallinger (2003), dan Edmonds (1979). Dalam konteks ini, Fullan (2007) menegaskan bahawa pengetua memainkan peranan utama sebagai pemimpin dalam memandu perubahan serta meningkatkan mutu pendidikan di sekolah. Fullan menekankan bahawa kepimpinan yang berkesan memerlukan komitmen dan visi yang jelas dari pengetua untuk melaksanakan reformasi yang mampu memperbaiki kualiti pendidikan secara menyeluruh.

1.3 Pernyataan Masalah

Pengajaran dan pembelajaran merupakan inti dari kegiatan sekolah yang kompleks dan memerlukan perhatian serta kajian yang berterusan. Guru besar perlu melakukan penilaian yang konsisten terhadap kemampuan pengajaran guru-guru mereka sebelum memberikan bimbingan dan sokongan yang diperlukan, seperti yang dinyatakan oleh Alimuddin (2006). Guru besar memikul tanggungjawab utama dalam memastikan prestasi akademik pelajar, dan oleh itu, perlu aktif dalam menilai kurikulum serta proses penilaian pelajar. Ini termasuk melakukan penilaian yang menyeluruh terhadap strategi pengajaran dan proses penilaian, sebagaimana disarankan oleh Levine (2005), Parkay et al. (2010), dan Hallinger (2005). Dengan pendekatan ini, Guru besar dapat memastikan bahawa semua aspek pengajaran dan pembelajaran dijalankan dengan baik, seterusnya meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah.

Ayres (1985) menekankan bahawa tindakan sekolah adalah perlu untuk menangani isu-isu yang berkaitan dengan keluarga dan untuk meningkatkan prestasi





akademik pelajar. Kajian oleh Mayr (2008) di Southern California pula menekankan bahawa iklim sekolah, kepemimpinan, dan pengajaran adalah elemen-elemen yang sangat penting dalam mempengaruhi kejayaan akademik. Kejayaan akademik pelajar sering dipengaruhi oleh kepemimpinan sekolah yang efektif dalam mencipta persekitaran pembelajaran yang kondusif serta membina kepercayaan dalam kemampuan organisasi untuk mencapai sasaran akademik yang tinggi. Oleh itu, memastikan bahawa sekolah mempunyai kepimpinan yang baik dan suasana yang positif adalah kritikal dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

Kecemerlangan sekolah bergantung pada sokongan aktif dan berterusan daripada Guru besar dalam aspek pengajaran, perancangan, dan pelaksanaan program kurikulum (Hoy, Tarter, dan Witkoskie, 1992). Sokongan ini juga melibatkan penglibatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dalam usaha untuk meningkatkan prestasi pelajar secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, kompleksiti dan beban tugas rutin yang dihadapi oleh Guru besar seringkali menghalang mereka daripada melaksanakan kepemimpinan instruksional secara efektif. Hal ini mengakibatkan pengurangan fokus pada usaha untuk meningkatkan kualiti guru dan sokongan daripada komuniti, yang akhirnya boleh mempengaruhi pencapaian akademik dan perkembangan pelajar secara keseluruhan.

Prestasi akademik murid sering dijadikan ukuran utama untuk menilai keberkesanan sekolah, dan ini sangat berkait rapat dengan kepemimpinan yang diterapkan oleh pemimpin sekolah. Kepemimpinan instruksional, memainkan peranan yang sangat penting dalam mencapai kecemerlangan akademik (Baharom, 2004; Mohd Suhaimi & Zaidatol Akmaliah, 2007). Kajian yang menyeluruh diperlukan untuk





memahami pelaksanaan kepemimpinan instruksional oleh Guru besar serta peranan yang dimainkan oleh kualiti guru dan sokongan dari Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Kajian ini bertujuan untuk menilai hubungan dan pengaruh faktor-faktor tersebut terhadap pencapaian akademik murid di sekolah rendah terpilih di Sabah. Hal ini selaras dengan aspirasi Kementerian Pelajaran Malaysia untuk meningkatkan pencapaian kurikulum dan mencapai matlamat pendidikan yang ditetapkan.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 diselaraskan dengan Kemahiran Abad ke-21 dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), yang meliputi enam Aspirasi Kemenjadian Murid: pengetahuan, kemahiran berfikir, kepimpinan, dwibahasa, etika dan kerohanian, serta identiti nasional. Pencapaian akademik pelajar merujuk kepada tahap kemajuan yang dicapai melalui usaha dan ketekunan dalam menguasai ilmu atau kemahiran yang dipelajari, dan biasanya diukur berdasarkan nilai mata, gred, skor mentah, atau pangkat bagi sesuatu subjek atau keseluruhan kursus (Hafizah, 2015). Menurut Hassan (2018), pencapaian ini melibatkan prestasi individu dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan dan kemahiran. Pencapaian akademik turut dipengaruhi secara signifikan oleh sifat pelajar seperti minat, motivasi dan sikap (Aydeniz & Kaya, 2015), yang memberi kesan langsung terhadap tahap keberhasilan pembelajaran. Pencapaian akademik murid dalam Ujian akhir sesi akademik (UASA) adalah sebahagian dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBS) digunakan sebagai indikator utama untuk menilai komitmen Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam mencapai kemenjadian murid melalui kurikulum.



Pencapaian Tahap penguasaan murid yang rendah dalam Pentaksiran bilik darjah di Sabah telah menjadi isu kritikal, seperti yang dinyatakan dalam Laporan Jabatan Pelajaran Negeri Sabah (2024). Pencapaian calon Ujian akhir sesi akademik (UASA) pejabat pendidikan daerah Kota Belud pada tahun 2022 hingga 2024 menunjukkan Tahap Penguasaan (TP) 4, 5 dan 6 yang diukur dalam gred C, B dan A masih sangat rendah berdasarkan laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Bilangan 1 2025 Pejabat Pendidikan Daerah Kota Belud, Sabah. iaitu dalam tempoh tiga tahun purata peratus gred A (8.69%), gred B (21.36%), dan Gred C (27.44%).

Persoalan utama yang timbul adalah mengapa pencapaian ujian akhir sesi akademik (UASA) murid diPejabat Pendidikan Daerah Kota Belud masih kekal rendah walaupun pelbagai inisiatif telah dilaksanakan.

Terdapat banyak isu lain yang perlu dipertimbangkan dalam konteks prestasi UASA, termasuk sama ada Kepimpinan Instruksional yang diterapkan oleh Guru Besar mempengaruhi pencapaian UASA di daerah Kota Belud. Isu lain yang relevan termasuk kualiti guru yang mungkin tidak memuaskan serta kekurangan sokongan daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan Komuniti terhadap Guru Besar di sekolah-sekolah di kawasan tersebut. Dapatan Jemaah Nazir Sekolah yang terkandung dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia 2010, kebanyakan sekolah masih belum mengamalkan prinsip kepimpinan lestari secara menyeluruh. Akibatnya, terdapat kegagalan dalam mencapai kemenjadian pelajar yang dihasratkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan, yang menekankan penyampaian pendidikan yang berkualiti dan holistik untuk semua murid.



Walaupun terdapat kemajuan dalam bidang pendidikan, cabaran masih wujud dalam mencapai prestasi yang memuaskan dalam peperiksaan UASA, terutama di sekolah-sekolah luar bandar di Sabah. Usaha untuk meningkatkan prestasi UASA di Sabah diteruskan melalui Program Aspirasi Akademik yang dilaksanakan oleh Sektor Pembelajaran Pejabat Pendidikan Daerah Kota Belud. Program ini melibatkan beberapa inisiatif strategik, termasuk Dialog Prestasi yang diadakan di peringkat Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah, serta bimbingan dalam pelaksanaan SKPMg2 untuk memperbaiki budaya pembelajaran di sekolah. Selain itu, program ini menyediakan platform bagi Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah untuk berkongsi amalan terbaik yang telah terbukti berjaya dalam meningkatkan prestasi akademik. Dengan pendekatan ini, diharapkan dapat memperkukuh usaha memperbaiki pencapaian UASA di Sabah melalui penerapan strategi yang berkesan dan penyebaran pengetahuan yang relevan di kalangan pendidik dan pentadbir sekolah.



Selain itu, Pejabat Pendidikan Daerah telah menubuhkan Taskforce khusus untuk setiap mata pelajaran di unit-unit Sektor Pembelajaran, yang terdiri daripada guru-guru cemerlang (GC) dan Jurulatih Utama Daerah (JUD). Penubuhan Taskforce ini bertujuan untuk menangani dan meningkatkan prestasi akademik yang kritikal dalam setiap mata pelajaran, dengan fokus khusus pada isu yang menyumbang kepada pencapaian UASA yang rendah di kalangan pelajar. Inisiatif ini dirancang untuk memperbaiki hasil akademik secara keseluruhan dengan menyediakan sokongan dan strategi yang disesuaikan untuk setiap subjek. Di samping itu, Pejabat Pendidikan Daerah juga telah mengasaskan satu kumpulan kerjasama strategik dengan Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (YDP PIBG), dengan tujuan memperkukuh kepimpinan YDP PIBG di daerah Kota Belud. Inisiatif ini bertujuan untuk memastikan





kerjasama yang lebih optimal antara YDP PIBG, sekolah-sekolah, dan Pejabat Pendidikan Daerah dalam usaha memberikan sokongan yang lebih efektif dan menyeluruh kepada sekolah-sekolah dalam meningkatkan prestasi akademik pelajar.

Rujukan kepada kajian Azmiza Ahmad et al. (2014) menunjukkan bahawa pengaturan sendiri adalah kunci utama dalam meningkatkan pencapaian pelajar, dengan menekankan pentingnya kemahiran ini untuk mencapai kejayaan akademik yang lebih baik. Kajian Ab Halim dan Khadijah (2003) pula menekankan konsep akhlak dan moral pelajar, namun turut mengkritik kekurangan peranan guru dalam berfungsi sebagai model akhlak yang baik kepada pelajar. Sementara itu, Marlina dan Ahmad (2011) mencadangkan pendekatan pembangunan diri murid yang merangkumi kemahiran membuat keputusan, pemikiran kreatif dan kritis, inisiatif, etika, serta pemupukan budaya pembelajaran sepanjang hayat. Kajian oleh Habibah et al. (2002) dan Yahya Buntat et al. (2010) mendapati bahawa remaja sering terlibat dalam tindakan yang mereka sedari sebagai salah, seperti melanggar disiplin, kekurangan motivasi, kemalasan, dan kurang fokus terhadap pengajaran guru. Dalam konteks ini, faktor kualiti guru dikenal pasti sebagai elemen yang signifikan dalam mempengaruhi perkembangan murid, menekankan perlunya peningkatan dalam kualiti pengajaran untuk merangsang pencapaian akademik dan perkembangan peribadi pelajar.

Dalam konteks penglibatan ibu bapa, kajian Rohaty (2003) menegaskan bahawa penglibatan ibu bapa adalah sangat penting dalam proses Pendidikan. Kajian ini menunjukkan bahawa ibu bapa yang aktif terlibat dalam pendidikan anak-anak mereka dapat mempengaruhi secara positif perkembangan keseluruhan anak. Menyokong pandangan ini, Arnold et al. (2008) menyatakan bahawa hubungan yang kuat dan positif





antara ibu bapa dan pelajar, melalui sokongan yang konsisten dan komunikasi yang berkesan yang merupakan elemen kunci dalam meningkatkan pencapaian akademik dan kejayaan pelajar. Mereka menggariskan bahawa penglibatan ibu bapa yang aktif dapat memperkukuh prestasi akademik dengan meningkatkan motivasi dan rasa tanggungjawab pelajar terhadap pembelajaran mereka.

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, KPM telah menunjukkan komitmen yang kuat untuk menggunakan sumber secara efisien demi memajukan pembangunan murid. Ketua Setiausaha KPM menegaskan bahawa penstrukturan semula Kementerian ini bertujuan untuk memberikan lebih banyak autonomi kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Langkah ini diambil dengan harapan untuk meningkatkan kerjasama dan sokongan bagi pencapaian murid di seluruh negara. Dengan meningkatkan autonomi di peringkat negeri dan daerah, diharapkan sistem pendidikan akan menjadi lebih responsif terhadap keperluan dan cabaran khusus yang dihadapi oleh sekolah-sekolah, serta memperbaiki perkhidmatan dan sokongan yang diberikan kepada guru dan pelajar. Inisiatif ini bertujuan mencipta sebuah sistem pendidikan yang lebih adaptif, dinamik, dan berdaya saing dalam menangani pelbagai aspek perkembangan pendidikan di negara ini.

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan Kepimpinan Instruksional, Kualiti Guru, serta Sokongan PIBG terhadap pencapaian akademik murid di sekolah-sekolah rendah luar bandar di Kota Belud, Sabah. Dengan menilai impak dan keberkesanan amalan kepimpinan, pengajaran, dan sokongan daripada pihak berkepentingan, kajian ini bertujuan untuk memberikan pandangan yang berharga serta





cadangan praktikal. Di samping itu, hasil kajian diharapkan dapat memberikan wawasan yang mendalam tentang bagaimana penglibatan dan sokongan dari pelbagai pihak boleh diperbaiki untuk mencapai hasil pendidikan yang lebih baik dalam konteks sekolah-sekolah luar bandar di Kota Belud. Kajian ini bukan sahaja penting untuk memahami punca prestasi rendah murid di Sabah, tetapi juga sebagai asas untuk merangka strategi pendidikan yang lebih berkesan dan mampan. Dengan memastikan setiap murid mendapat akses kepada pendidikan berkualiti, kita dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat dan membangunkan negeri Sabah ke arah yang lebih maju.

1.4 Tujuan Kajian



Kajian ini bertujuan untuk menilai pengaruh dimensi-dimensi Kepimpinan

Instruksional, Kualiti Guru, dan Sokongan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) terhadap pencapaian akademik murid dalam Ujian akhir sesi akademik (UASA) di sekolah-sekolah rendah di Kota Belud, Sabah. Kajian ini juga mengkaji kaitan faktor-faktor ini dengan faktor demografi. Walaupun kajian ini memberikan wawasan penting mengenai bagaimana dimensi-dimensi tersebut mempengaruhi pencapaian akademik di kawasan tersebut, hasil kajian ini tidak dapat menggambarkan keseluruhan amalan Kepimpinan Instruksional, Kualiti Guru, dan Sokongan PIBG di seluruh sekolah rendah di Sabah, dan lebih luas lagi di Malaysia. Dimensi-dimensi ini dianalisis melalui sub-dimensi yang telah ditetapkan khusus untuk setiap aspek; Kepimpinan Instruksional, Kualiti Guru, dan Sokongan PIBG, untuk memberikan pemahaman yang lebih terperinci dan spesifik tentang kesan setiap faktor terhadap pencapaian murid. Kajian ini diharapkan dapat memberikan pandangan yang lebih mendalam tentang pengaruh





faktor-faktor tersebut dalam konteks tempatan dan mencadangkan strategi yang berpotensi untuk meningkatkan prestasi akademik di kawasan yang sama.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah:

- i. Mengenal pasti tahap Kepimpinan Instruksional, Kualiti guru dan Sokongan PIBG dalam kalangan guru besar Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) harian biasa di Kota Belud, Sabah.
- ii. Menentukan perbezaan Kepimpinan Instruksional, Kualiti guru dan Sokongan PIBG berdasarkan ciri demografi (Umur, Jantina, perkhidmatan dan ikhtisas).
- iii. Menentukan hubungan antara sub-skala Kepimpinan Instruksional, Kualiti guru dan Sokongan PIBG dengan Pencapaian akademik murid sekolah rendah di Kota Belud.
- iv. Menentukan hubungan Kepimpinan Instruksional, Kualiti guru dan Sokongan PIBG terhadap Pencapaian akademik murid sekolah rendah di Kota Belud.
- v. Menganalisis pengaruh Kepimpinan Instruksional, Kualiti guru dan Sokongan PIBG terhadap Pencapaian akademik murid sekolah rendah di Kota Belud.

1.6 Persoalan Kajian

Kajian ini secara keseluruhannya adalah untuk menjawab persoalan berikut:



Objektif 1:

Adakah terdapat tahap Kepimpinan Instruksional, Kualiti guru dan Sokongan PIBG dalam kalangan guru besar Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) harian biasa di negeri Sabah?

Objektif 2:

Adakah terdapat perbezaan Kepimpinan Instruksional, Kualiti guru dan Sokongan PIBG berdasarkan ciri demografi?

Objektif 3:

Adakah terdapat hubungan antara sub-skala Kepimpinan Instruksional, Kualiti guru dan Sokongan PIBG dengan Pencapaian akademik murid sekolah?

Objektif 4:

Adakah terdapat hubungan Kepimpinan Instruksional, Kualiti guru dan Sokongan PIBG terhadap Pencapaian akademik murid sekolah?

Objektif 5:



Adakah terdapat pengaruh Kepimpinan Instruksional, Kualiti guru dan Sokongan PIBG terhadap Pencapaian akademik murid sekolah?

1.7 Hipotesis Kajian

Dalam kajian ini, terdapat lapan hipotesis yang telah dibentuk. Jawapan bagi hipotesis H_1 akan dianalisis menggunakan ujian-t tidak bersandar, yang sesuai untuk data yang tertabur secara normal. Hipotesis H_2 pula akan diuji menggunakan ujian ANOVA, juga dengan syarat data tertabur secara normal. Bagi hipotesis H_3 dan H_4 , analisis akan dilakukan menggunakan korelasi *Pearson* untuk mengkaji hubungan antara pemboleh ubah. Sementara itu, hipotesis H_5 , H_6 , H_7 , dan H_8 akan dianalisis melalui analisis regresi *linear* pelbagai, yang membolehkan penilaian terhadap kesan pelbagai pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar secara serentak. Pendekatan statistik ini bertujuan untuk memberikan pemahaman yang komprehensif mengenai hubungan dan kesan antara amalan Kepimpinan Instruksional, Kualiti Guru, Sokongan PIBG terhadap pencapaian akademik murid.

H_1 : Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap Kepimpinan Instruksional, Tahap Kualiti Guru dan Sokongan PIBG berdasarkan persepsi guru mengikut faktor jantina.

H_{1a} : Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap Kepimpinan Instruksional berdasarkan persepsi guru mengikut faktor jantina.





H_{1b}: Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap Kualiti guru berdasarkan persepsi guru mengikut faktor jantina.

H_{1c}: Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap Sokongan PIBG berdasarkan persepsi guru mengikut faktor jantina.

H₂: Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap Kepimpinan Instruksional, Tahap Kualiti Guru dan Sokongan PIBG berdasarkan persepsi guru mengikut faktor umur, pengalaman mengajar, kelayakan akademik tertinggi dan kelayakan ikhtisas.

H_{2a}: Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap Kepimpinan Instruksional berdasarkan persepsi guru mengikut faktor umur, pengalaman mengajar, kelayakan akademik tertinggi dan kelayakan ikhtisas.

H_{2b}: Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap Kualiti guru berdasarkan persepsi guru mengikut faktor umur, pengalaman mengajar, kelayakan akademik tertinggi dan kelayakan ikhtisas.

H_{2c}: Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap Sokongan PIBG berdasarkan persepsi guru mengikut faktor umur, pengalaman mengajar, kelayakan akademik tertinggi dan kelayakan ikhtisas.

H₃: Terdapat hubungan di antara dimensi Kepimpinan Instruksional, Tahap Kualiti Guru dan Sokongan PIBG terhadap Pencapaian akademik murid sekolah (Kemenjadian Murid).





H_{3a}: Terdapat hubungan di antara dimensi Kepimpinan Instruksional terhadap Pencapaian akademik murid sekolah (Kemenjadian Murid).

H_{3b}: Terdapat hubungan di antara dimensi Kualiti guru terhadap pencapaian akademik murid sekolah (Kemenjadian Murid).

H_{3c}: Terdapat hubungan di antara dimensi Sokongan PIBG terhadap Pencapaian akademik murid sekolah (Kemenjadian Murid). (SPK tiada dimensi)

H₄: Terdapat hubungan di antara Kepimpinan Instruksional, Kualiti guru dan Sokongan PIBG terhadap Pencapaian akademik murid sekolah (Kemenjadian Murid).



H_{4a}: Terdapat hubungan di antara Kepimpinan Instruksional terhadap pencapaian akademik murid sekolah (Kemenjadian Murid).

H_{4b}: Terdapat hubungan di antara Kualiti guru terhadap pencapaian akademik murid sekolah (Kemenjadian Murid).

H_{4c}: Terdapat hubungan di antara Sokongan PIBG terhadap Pencapaian akademik murid sekolah (Kemenjadian Murid).

H₅: Kepimpinan Instruksional mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan terhadap Pencapaian akademik murid sekolah (Kemenjadian Murid).





H₆: Kualiti guru mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan terhadap Pencapaian akademik murid sekolah (Kemenjadian Murid).

H₇: Sokongan PIBG mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan terhadap Pencapaian akademik murid sekolah (Kemenjadian Murid).

H₈: Kepimpinan Instruksional guru besar, kualiti guru dan sokongan PIBG mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan terhadap pencapaian akademik murid sekolah (Kemenjadian murid).

1.8 Kerangka Kajian



Menurut Yahaya et al. (2007), teori memainkan peranan yang sangat penting dalam membolehkan penyelidik melihat bidang ilmu secara sistematik dan menyeluruh. Teori membantu dalam mencipta hubungan antara konsep-konsep yang relevan dan mengintegrasikan pelbagai bidang ilmu untuk membangunkan kerangka kerja permasalahan yang ingin dikaji. Dengan menggunakan teori, penyelidik dapat membina pemahaman yang lebih mendalam dan holistik mengenai topik yang diteliti, serta menyediakan panduan yang jelas dalam merumuskan hipotesis, mengumpul data, dan menganalisis hasil kajian. Pendekatan ini memastikan bahawa kajian dijalankan dengan berasaskan prinsip yang kukuh dan memberikan sumbangan yang bermakna dalam bidang ilmu yang diterokai.





1.8.1 Kerangka Teoritikal Kajian

Secara teoritikal, penyelidikan ini mengadopsi beberapa model utama untuk membimbing analisisnya. Model Kepimpinan Instruksional oleh Hallinger dan Murphy (1985) dipilih untuk menilai dimensi Kepimpinan Instruksional, memberikan kerangka kerja yang komprehensif untuk memahami peranan kepimpinan dalam meningkatkan prestasi akademik murid. Bagi menilai faktor Kualiti Guru, kajian ini menggunakan model Standard Guru Malaysia, yang membantu dalam menganalisis kriteria dan standard yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran. Untuk faktor Sokongan PIBG, kajian ini merujuk kepada model Sarana Ibu Bapa yang dikembangkan oleh Landon (2014) dan Sincero (2012), yang menawarkan panduan mengenai bagaimana sokongan dan keterlibatan ibu bapa serta komuniti dapat mempengaruhi hasil pendidikan. Model-model ini menyediakan asas yang kukuh untuk memahami dan menganalisis interaksi antara kepimpinan, kualiti pengajaran, dan sokongan dari PIBG, serta kesannya terhadap pencapaian akademik murid di sekolah-sekolah rendah yang terlibat dalam kajian ini.

Kerangka Model Kepimpinan Instruksional oleh Hallinger dan Murphy (1985)


Penyelidikan mengenai Kepimpinan Instruksional telah mendapat perhatian sejak lebih 25 tahun lalu, bermula dengan kajian Edmonds (1979). Model ini telah berkembang pesat sejak tahun 1980-an melalui sumbangan penyelidik seperti Bossert (1988), Hallinger (2000), Hallinger dan Murphy (1985), Murphy (1988), dan Southworth (2002). Antara model yang paling banyak digunakan adalah model yang diperkenalkan oleh Hallinger dan Murphy (1985). Hallinger (2011) melaporkan bahawa model ini



telah digunakan dalam 130 kajian doktorat dari 1980-an hingga 2010, dan lebih daripada 200 kajian empirikal sejak tahun 1980-an (Hallinger et al., 2013). Model ini merangkumi sebelas elemen utama yang dibahagikan kepada tiga konstruk utama: pentakrifan visi dan matlamat sekolah, pengurusan program pengajaran, dan pemupukan iklim Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang positif.

Rajah 1.1

Model Kepimpinan Instruksional Hallinger dan Murphy (1985)





Kerangka Model Standard Guru Malaysia (SGM) 2010

Seorang guru profesional memainkan peranan yang sangat penting dalam penyebaran ilmu dan pendidikan. Tanggungjawab mereka tidak hanya terhad kepada pelajar tetapi juga meliputi ibu bapa, masyarakat, negara, dan rakan sejawat. Kualiti guru merangkumi pelbagai aspek penting seperti penguasaan dalam pengajaran, yang melibatkan perancangan dan pelaksanaan yang berkesan, serta penilaian yang teliti terhadap prestasi pelajar. Pengurusan bilik darjah juga merupakan aspek kritikal, di mana guru perlu menguruskan suasana pembelajaran dengan baik dan memastikan persekitaran yang kondusif untuk semua pelajar. Selain itu, sikap profesional guru memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan proses pendidikan.




kompetensi guru mencapai tahap yang diperlukan. Model ini menetapkan beberapa kompetensi utama yang harus dicapai, termasuk nilai profesionalisme yang tinggi, pengetahuan mendalam dalam bidang pengajaran, serta kemahiran yang canggih dalam pelaksanaan pengajaran. Dengan memenuhi standard ini, guru dapat meningkatkan kualiti pendidikan yang diberikan dan seterusnya, meningkatkan pencapaian pelajar. Standard ini bertujuan untuk memastikan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah dijalankan dengan cara yang paling berkesan, memberi manfaat kepada semua pelajar dan memastikan mereka memperoleh ilmu dan kemahiran yang diperlukan untuk kejayaan masa depan mereka.



Rajah 1.2

Model Standard Guru Malaysia (SGM) 2010




Agensi dan institusi latihan guru perlu menyediakan keperluan latihan yang jelas dan komprehensif untuk memastikan bahawa guru-guru yang dilatih mempunyai kecekapan yang diperlukan untuk melaksanakan tugas mereka dengan berkesan. Model Standard Guru Malaysia (SGM) memainkan peranan penting dalam menilai kecekapan profesionalisme pengajaran dengan menekankan beberapa aspek utama. Ini termasuk penilaian terhadap nilai profesional yang ditunjukkan oleh guru, pengetahuan yang mendalam dalam subjek yang diajar, pemahaman yang luas tentang metodologi pengajaran, dan kemahiran praktikal dalam melaksanakan pengajaran di bilik darjah.

Model SGM juga berfungsi sebagai panduan dalam mengenal pasti dasar-dasar dan strategi-strategi yang diperlukan untuk meningkatkan pembangunan pendidikan guru. Dengan menggunakan model ini, agensi dan institusi dapat merancang dan melaksanakan program latihan yang lebih terfokus dan berkesan, yang sesuai dengan

standard yang telah ditetapkan. Ini membolehkan penilaian dan pembaharuan yang lebih sistematik dalam kurikulum latihan, dengan tujuan utama untuk memenuhi keperluan latihan yang sebenar dan meningkatkan kualiti pendidikan secara keseluruhan. Dengan pendekatan ini, diharapkan bahawa semua guru yang dilatih akan mampu mencapai tahap profesionalisme yang tinggi dan memberikan sumbangan yang signifikan kepada perkembangan akademik pelajar mereka.

Rajah 1.3

Kerangka Teoritik





Guru yang berkualiti harus menguasai pelbagai kemahiran penting dalam merancang, melaksanakan, menilai, dan mengurus bilik darjah dengan cekap, serta mempunyai perwatakan yang baik dan profesional. Mereka perlu melaksanakan perancangan pengajaran tahunan yang teliti berdasarkan Sukatan Pelajaran yang ditetapkan, memastikan bahawa setiap topik dan kemahiran yang diperlukan diliputi. Selain itu, mereka harus menyediakan rancangan pelajaran harian yang terperinci dan sesuai dengan keperluan serta tahap kebolehan murid, supaya pengajaran dapat disesuaikan dengan pelbagai gaya dan kadar pembelajaran pelajar.

Maklum balas yang diberikan kepada murid haruslah segera dan konstruktif, membantu mereka memahami kekuatan dan kawasan yang memerlukan penambahbaikan. Penghargaan perlu diberikan kepada murid yang menunjukkan kemajuan dan pencapaian, sementara pembetulan yang sesuai perlu dilakukan untuk mereka yang memerlukan bantuan tambahan. Selain itu, maklumat yang diperolehi daripada pemantauan dan penilaian hendaklah digunakan secara proaktif untuk meningkatkan kualiti pengajaran, dengan membuat penyesuaian yang diperlukan dalam rancangan pelajaran dan strategi pengajaran bagi mencapai hasil yang lebih baik.

Pengurusan bilik darjah melibatkan pengurusan persekitaran fizikal, kesediaan murid, peraturan, sudut pembelajaran, dan disiplin. Aspek fizikal termasuk keselamatan, kebersihan, dan susun atur perabot. Kesediaan murid merujuk kepada emosi mereka sebelum dan semasa pengajaran. Peraturan bilik darjah merangkumi tingkah laku guru, manakala bilik darjah efektif memerlukan sudut pembelajaran dan pengendalian kelakuan negatif murid. Perwatakan guru merangkumi integriti, komitmen, dan tanggungjawab, dengan integriti melibatkan amanah dan prihatin,





komitmen merujuk kepada pelaksanaan tugas dengan baik, dan tanggungjawab berkaitan dengan kewajipan kepada pelajar dan negara (Choong, 2009).

I) Elemen Kompetensi Guru (PdPc) SKPMg2:

Kompetensi merujuk kepada gabungan pengetahuan, kemahiran, dan sikap yang diperlukan untuk melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan. Dalam konteks tenaga kerja, latihan berterusan memainkan peranan yang sangat penting untuk memastikan bahawa kemahiran yang diperlukan sentiasa dikemas kini dan memenuhi piawaian kerja yang bertaraf dunia. Latihan ini tidak hanya meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pekerja tetapi juga membantu mereka untuk beradaptasi dengan perubahan teknologi dan metodologi yang pesat dalam industri mereka.



Melalui latihan berterusan, pekerja dapat memperbaiki produktiviti mereka, meningkatkan kualiti kerja, dan memastikan bahawa mereka berada pada tahap yang bersaing dalam pasaran global yang semakin kompetitif. Latihan ini memberikan pekerja alat dan teknik terkini yang diperlukan untuk menyelesaikan tugas mereka dengan lebih efisien dan efektif, yang pada gilirannya meningkatkan daya saing organisasi mereka di pasaran. Latihan juga memajukan keupayaan organisasi untuk menghadapi cabaran dan memanfaatkan peluang dalam ekonomi global. Dengan memiliki tenaga kerja yang terlatih dan kompeten, organisasi dapat menyesuaikan diri dengan cepat terhadap perubahan pasaran, memperbaiki proses operasi, dan mengoptimumkan prestasi keseluruhan. Ini memastikan bahawa organisasi tidak hanya bertahan tetapi juga berkembang dalam persekitaran perniagaan yang dinamik dan penuh cabaran.





Guru perlu mengamalkan sikap inovatif dan adaptif, memanfaatkan peralatan serta teknologi baru yang diperkenalkan, dan terus memperbaharui pengetahuan mereka agar selaras dengan trend pendidikan semasa. Dengan menguasai kemahiran terkini dan teknologi moden, guru dapat memperbaiki kaedah pengajaran mereka, yang seterusnya meningkatkan daya saing mereka dan prestasi keseluruhan dalam bilik darjah.

Oleh itu, adalah tanggungjawab organisasi pendidikan untuk merancang dan menetapkan standard kompetensi yang jelas dan terperinci. Ini termasuk menentukan kriteria yang perlu dipenuhi oleh guru untuk mencapai kecemerlangan dalam profesi mereka. Dengan menetapkan standard yang tinggi dan menyediakan sokongan yang diperlukan untuk mencapainya, organisasi pendidikan dapat memastikan bahawa guru-guru memenuhi keperluan profesional dan terus berkembang untuk memberikan pendidikan yang terbaik kepada pelajar.

Rancangan Pengajaran Harian adalah komponen utama untuk memastikan pengajaran yang berkualiti. Sebelum memulakan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdPc), adalah penting bagi guru untuk melakukan perancangan yang terperinci dan menyeluruh. Ini termasuk menetapkan objektif yang jelas, merancang aktiviti yang sesuai, dan memilih kaedah penilaian yang efektif. TMK dapat menyokong dan memperkaya proses pembelajaran dengan menyediakan sumber tambahan dan alat interaktif. Persiapan yang menyeluruh dalam aspek-aspek ini memastikan bahawa pelaksanaan pengajaran dapat dijalankan dengan lancar dan efektif, serta memudahkan pencapaian hasil pembelajaran yang diinginkan oleh guru. Dengan perancangan yang rapi, guru dapat mengatasi cabaran yang mungkin timbul semasa PdPc dan memastikan





bahawa setiap pelajar mendapat pengalaman pembelajaran yang berkualiti dan bermanfaat.

Pemilihan lokasi yang sesuai adalah langkah penting sebelum memulakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdPc). Guru perlu memilih lokasi seperti bilik darjah, bengkel, atau makmal yang sesuai dan selaras dengan jenis aktiviti pembelajaran yang dirancang. Setiap lokasi ini harus disesuaikan dengan keperluan khusus aktiviti, seperti ruang untuk pergerakan, peralatan khusus, atau akses kepada sumber tertentu. Semasa PdPc, pengajaran harus diuruskan dengan teliti mengikut isi pelajaran yang telah dirancang sebelumnya, dengan memastikan bahawa masa yang diperuntukkan mencukupi untuk setiap bahagian aktiviti, dari pengenalan hingga penutupan. Ini termasuk perancangan masa yang sesuai untuk penerangan, demonstrasi, dan interaksi pelajar. Pengurusan masa yang berkesan dan penyesuaian lokasi yang tepat dapat memastikan bahawa setiap aktiviti dilaksanakan dengan baik.

Penyertaan aktif murid adalah kunci untuk pengajaran yang efektif dan pembelajaran berkualiti. Suasana pembelajaran perlu dikendalikan dengan baik, termasuk komunikasi dua arah antara murid dan guru. Penataan posisi murid harus sesuai dengan jenis aktiviti; untuk kerja kelompok, murid perlu disusun agar dapat berkolaborasi, sementara untuk pembelajaran mandiri menggunakan teknologi, mereka harus disusun secara individu. Guru perlu mencipta persekitaran yang menarik untuk membangkitkan semangat belajar murid. Menurut Osman (2010), guru adalah aset utama dalam memajukan pendidikan. Guru yang berjaya menyampaikan pengajaran dengan baik memiliki efikasi tinggi. Dengan mencipta suasana yang menyenangkan, guru dapat meningkatkan pencapaian akademik dan perkembangan murid.





Guru perlu memastikan murid menguasai pengetahuan, kemahiran, dan nilai-nilai murni melalui tunjuk ajar yang efektif. Murid harus dibimbing untuk memahami isi pelajaran menggunakan sumber pendidikan seperti pusat sumber sekolah. Aktiviti pembelajaran harus menekankan motivasi, komunikasi, dan kolaborasi, serta mendorong pemikiran kritis dan kreatif. Dengan pujian dan galakan positif, murid akan lebih termotivasi untuk mencapai prestasi cemerlang.

Dalam PdPc, murid diajar menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran yang sejalan dengan teori Willingham (2010) untuk pembelajaran abad ke-21. Pentaksiran ini bukan sahaja perlu merangkumi pengetahuan yang mendalam, tetapi juga harus melibatkan tugas yang lebih mencabar dan kompleks, yang dapat menguji kemampuan murid dalam pelbagai aspek pembelajaran. Selain itu, pentaksiran perlu direka untuk mengukur bukan hanya pemahaman asas tetapi juga keupayaan murid dalam menerapkan pengetahuan dalam situasi sebenar dan menyelesaikan masalah yang lebih rumit. Selepas menjalani proses pentaksiran, murid diberikan aktiviti pemulihan yang dirancang secara khusus untuk membantu mereka mengatasi kelemahan yang dikenal pasti, serta aktiviti pengayaan yang bertujuan memperkukuh dan memperluas pemahaman mereka terhadap topik yang telah dipelajari. Dalam konteks ini, guru-guru memainkan peranan penting dengan menyemak dan menganalisis hasil kerja murid secara teliti, melakukan refleksi kritikal terhadap PdPc yang telah dijalankan, serta menilai keberkesanan keseluruhan proses tersebut. Langkah-langkah ini adalah penting untuk memastikan peningkatan berterusan dalam PdPc serta mencapai hasil pembelajaran yang lebih baik dan menyeluruh, yang selaras dengan objektif pendidikan abad ke-21.



Jemaah Nazir Sekolah telah merangka kompetensi standard yang menyeluruh dalam SKPMg2 untuk guru-guru yang berkhidmat di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. SKPMg2 ini bertindak sebagai panduan komprehensif yang sangat penting dalam usaha menilai dan meningkatkan kualiti pengajaran serta kompetensi profesional guru. Panduan ini merangkumi beberapa aspek utama yang perlu dipatuhi dan dijadikan amalan oleh guru, termasuk aspek pengajaran yang berkesan, penilaian terhadap pembelajaran murid, perancangan dan pelaksanaan kurikulum, serta penglibatan aktif dalam komuniti sekolah. Setiap aspek ini diperincikan dengan jelas untuk memastikan bahawa guru-guru bukan sahaja memenuhi standard minimum, tetapi juga sentiasa berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam profesion mereka.


Kerangka Model Sokongan PIBG

Sokongan PIBG, menurut teori sarana ibu bapa, memainkan peranan yang amat penting dalam penglibatan sekolah secara menyeluruh. Teori ini menekankan bahawa peranan ibu bapa bukan sekadar menyokong dari segi kewangan atau material, tetapi juga melibatkan diri secara aktif dalam proses pendidikan anak-anak. Sejajar dengan ini, PPPM 2013-2025 menekankan betapa pentingnya kerjasama yang erat antara ibu bapa, dan sektor swasta dalam usaha memperkasa sekolah serta meningkatkan kualiti pendidikan (Awani, 2016). Pendidikan abad ke-21, yang menekankan keperluan untuk pembelajaran yang berlaku di luar bilik darjah, menuntut pendekatan yang lebih meluas dan fleksibel, di mana murid-murid dapat meneroka pengetahuan dan pengalaman baru yang relevan dengan dunia nyata. Kerjasama ini juga memastikan bahawa pendidikan tidak lagi terhad kepada ruang fizikal sekolah, tetapi melibatkan keseluruhan komuniti dalam membentuk generasi yang berdaya saing dan berpengetahuan luas.

Kehidupan kanak-kanak dipengaruhi oleh pelbagai persekitaran seperti keluarga, rakan sebaya, guru, dan komuniti. Teori Ekologi Pembangunan Sistem oleh Urie Bronfenbrenner (1979, 1989) menekankan kepentingan penglibatan ibu bapa di sekolah dalam perkembangan kanak-kanak (Landon, 2014; Sincero, 2012). Teori ini melibatkan sistem persekitaran seperti mikrosistem, mesosistem, eksosistem, makrosistem, dan kronosistem. Pembangunan manusia dipengaruhi oleh interaksi dalam sistem persekitaran ini, yang mempengaruhi tingkah laku murid di rumah, sekolah, dan komuniti.

Rajah 1.4

Teori Pembangunan Sistem Ekologi Urie Bronfenbrenner



Dalam konteks kajian ini, makrosistem merangkumi aspek budaya hidup yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti kedudukan sosial ekonomi, perbezaan kaum,



dan keadaan negara yang lebih luas. Faktor-faktor ini memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk norma, nilai, dan kepercayaan yang dipegang oleh individu dalam masyarakat, yang seterusnya memberi kesan kepada tingkah laku dan interaksi sosial mereka. Kronosistem pula melibatkan perubahan dan peristiwa sepanjang hayat yang berpotensi mempengaruhi perkembangan dan tingkah laku individu secara mendalam, seperti perceraian ibu bapa, perubahan ekonomi, atau peristiwa sejarah yang membawa kesan jangka panjang (Sincero, 2012). Peristiwa seperti perceraian ibu bapa, contohnya, boleh meninggalkan kesan yang mendalam terhadap tingkah laku dan emosi anak-anak, yang mungkin memerlukan sokongan tambahan dari pihak sekolah. Oleh itu, adalah penting bagi sekolah untuk memahami dan mengambil kira persekitaran makrosistem dan kronosistem ini dalam usaha mereka untuk menggalakkan tingkah laku positif dalam kalangan murid. Dengan kesedaran dan pemahaman mendalam terhadap konteks persekitaran ini, sekolah dapat memperkukuh peranannya dalam pembentukan insan yang berkualiti, sekaligus menyediakan sokongan yang lebih holistik dan relevan kepada murid-murid dalam menghadapi cabaran kehidupan.

Model Pendidikan Berkualiti 6S telah diperkenalkan dalam Jurnal MPSM 2014 oleh Halimah, Eow, dan Chuah (2014a) sebagai satu pendekatan inovatif untuk meningkatkan standard pendidikan di sekolah-sekolah. Model ini, yang dikembangkan melalui perancangan dan penyelidikan yang teliti oleh Puan Sri Halimah Bt Abdul Majid, Pengetua Cemerlang di SMK Putrajaya Presint 11(1), telah menunjukkan hasil yang sangat signifikan dalam usaha mentransformasi sistem pendidikan ke arah yang lebih berkualiti dan berkesan (Eow, Chuah, & Halimah, 2013, 2014; Halimah, Eow, & Chuah, 2011, 2013, 2014b). Penggunaan Model 6S ini tidak hanya berfokus pada





peningkatan prestasi akademik murid, tetapi juga menekankan aspek pembangunan holistik yang melibatkan nilai-nilai murni, disiplin, dan kemahiran insaniah. Hasil daripada pelaksanaan model ini telah memberikan impak yang besar terhadap kualiti pendidikan, membuktikan bahawa dengan perancangan dan pelaksanaan yang baik, sistem pendidikan dapat ditingkatkan secara menyeluruh. Model ini akan dibincangkan lebih lanjut dalam bab seterusnya, di mana penerapan dan keberkesannya dalam meningkatkan kualiti pendidikan akan dikupas dengan lebih mendalam, termasuk kajian kes yang menunjukkan bagaimana pendekatan ini telah berjaya membawa perubahan yang positif dalam sekolah-sekolah yang mengamalkannya.

1.8.2 Kerangka Konseptual Kajian




Kerangka konseptual kajian ini dengan jelas menjelaskan hubungan yang kompleks antara Pencapaian Akademik Murid (PAM) dan beberapa faktor utama seperti Kepimpinan Instruksional Guru Besar (KIGB), Kualiti Guru (KG), serta Sokongan PIBG (SPK). Kerangka ini berfungsi sebagai panduan yang komprehensif mengenai bentuk, hala tuju, dan format kajian, serta mengintegrasikan teori-teori relevan yang berkaitan dengan setiap faktor tersebut. Kajian ini memaparkan hubungan dinamik antara PAM dan faktor-faktor yang terlibat, dengan memberikan penjelasan tentang bagaimana KIGB, KG, dan SPK masing-masing mempengaruhi pencapaian akademik murid secara individu dan kolektif. Melalui analisis yang mendalam, kerangka ini menggariskan mekanisme bagaimana setiap faktor berinteraksi dan memberi impak terhadap hasil akademik murid. Secara ringkas, kerangka ini, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.5, merangkum secara keseluruhan hubungan antara faktor-faktor



tersebut dan menyediakan panduan yang berguna untuk analisis lanjut dalam kajian ini. Pendekatan ini memastikan bahawa kajian ini bukan sahaja menyelidik faktor-faktor secara terpisah tetapi juga memahami bagaimana mereka saling mempengaruhi dalam konteks pencapaian akademik murid.

Rajah 1.5

Kerangka Konseptual Kajian





Kajian ini menggunakan kerangka konseptual yang komprehensif untuk mengintegrasikan pemboleh ubah tidak bersandar dan bersandar, dengan tujuan untuk mengenal pasti dan memahami hubungan antara mereka secara mendalam. Kerangka ini dibangunkan berdasarkan beberapa model teori utama yang relevan, termasuk model Kepimpinan Instruksional yang dikemukakan oleh Hallinger dan Murphy (1985) untuk menilai Kepimpinan Instruksional Guru Besar (KIGB). Selain itu, model Standard Guru Malaysia (SGM) 2009 digunakan untuk menilai Kualiti Guru (KG), memberikan penekanan kepada kriteria-kriteria yang menentukan kualiti pendidikan yang disediakan oleh guru-guru. Model perkembangan ekologi oleh Urie Bronfenbrenner pula digunakan untuk memahami Sokongan PIBG (SPK), menjelaskan bagaimana interaksi dalam pelbagai persekitaran mempengaruhi sokongan yang diterima oleh murid. Integrasi model-model ini dalam kerangka konseptual membolehkan kajian ini menganalisis dengan lebih menyeluruh hubungan antara faktor-faktor tersebut dan memahami bagaimana setiap faktor mempengaruhi pencapaian akademik murid secara keseluruhan. Dengan pendekatan ini, kajian dapat memberikan gambaran yang lebih jelas dan holistik tentang pengaruh pelbagai faktor terhadap kejayaan akademik murid.

1.9 Pemboleh Ubah Kajian

i. Pemboleh Ubah Bebas

Pemboleh ubah bebas dalam kajian ini memberi tumpuan khusus kepada amalan kepimpinan instruksional Guru Besar, yang terdiri daripada tiga dimensi utama yang





penting. Dimensi pertama ialah pentakrifan visi dan matlamat sekolah, yang merangkumi keupayaan Guru Besar dalam menetapkan, mengkomunikasikan, dan menggerakkan visi serta matlamat strategik sekolah. Dimensi ini melibatkan bukan sahaja penetapan matlamat jangka panjang tetapi juga penyampaian yang jelas kepada semua anggota sekolah untuk memastikan bahawa semua pihak memahami dan berkomitmen terhadap arah tuju yang sama. Dimensi kedua adalah pengurusan program pengajaran, yang merangkumi proses perancangan, pelaksanaan, dan penilaian program pengajaran. Ini termasuk pengawasan kualiti program, penyediaan sumber yang diperlukan, serta penilaian berterusan untuk memastikan bahawa program yang dilaksanakan adalah berkesan dan memenuhi standard pendidikan yang ditetapkan. Dimensi ketiga adalah iklim pengajaran dan pembelajaran, yang merujuk kepada suasana dan budaya yang dicipta oleh Guru Besar untuk menyokong dan memotivasi proses pembelajaran yang positif dan produktif. Ini termasuk mencipta persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran, memupuk budaya kerjasama, dan menggalakkan perkembangan profesional guru. Ketiga-tiga dimensi ini bekerja secara sinergi untuk menentukan keberkesanan kepimpinan instruksional dan kesan keseluruhannya terhadap pencapaian dan kesejahteraan murid.

Faktor amalan kualiti guru di sekolah kajian ini merangkumi beberapa dimensi penting yang menyumbang kepada penilaian keseluruhan kualiti pengajaran. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, hanya dimensi ketiga yang dipilih untuk dianalisis, yang berkaitan dengan Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Dimensi ini mencakupi beberapa aspek utama yang kritikal dalam proses pengajaran, termasuk:





- i. Guru perlu merancang pelaksanaan PdPc,
- ii. Guru perlu mengawal proses pembelajaran,
- iii. Guru perlu membimbing murid-murid,
- iv. Guru perlu bertindak sebagai pendorong,
- v. Guru perlu melaksanakan penilaian.

Model Pendidikan Berkualiti 6S yang diperkenalkan oleh Sri Halimah Bt Abdul Majid turut digunakan untuk menilai kualiti pendidikan secara menyeluruh. Model ini mengandungi tiga dimensi utama: input, proses, dan output. Dimensi input merangkumi sumber dan faktor pendidikan yang disediakan, termasuk bahan pengajaran, sumber manusia, dan sokongan luar seperti PIBG. Dimensi proses melibatkan cara pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan, termasuk metodologi pengajaran, teknik pembelajaran, dan interaksi antara guru dan murid. Dimensi output pula merujuk kepada hasil pencapaian akademik murid sebagai hasil daripada proses pengajaran dan pembelajaran.

Integrasi Model Pendidikan Berkualiti 6S dalam kajian ini membantu dalam menilai bagaimana sokongan yang diberikan oleh PIBG mempengaruhi setiap dimensi kualiti pendidikan dan, seterusnya, bagaimana ia mempengaruhi pencapaian akademik murid.

ii. Pemboleh Ubah Bersandar

Dalam kajian ini, pemboleh ubah bersandar yang digunakan ialah min purata keputusan Gred Purata Sekolah (GPS) UASA untuk tahun 2022, 2023, dan 2024 di sekolah-





sekolah yang menjadi objek kajian. Pemboleh ubah bersandar ini merupakan ukuran utama untuk menilai pencapaian akademik murid, yang secara langsung bergantung kepada pelbagai pemboleh ubah bebas yang dianalisis dalam kajian ini. Keputusan GPS UASA, yang merangkumi gred purata yang dicapai oleh murid-murid di sekolah-sekolah yang dikaji, akan digunakan sebagai ukuran untuk menilai keberkesanan dan pengaruh faktor-faktor seperti amalan kepimpinan instruksional, kualiti guru, serta sokongan PIBG dan Komuniti terhadap pencapaian akademik di sekolah. Dengan menggunakan data GPS UASA yang dikumpul selama tiga tahun berturut-turut, kajian ini bertujuan untuk memperoleh pandangan yang lebih mendalam tentang bagaimana setiap faktor bebas mempengaruhi keputusan akademik dan, akhirnya, membantu dalam memahami sejauh mana faktor-faktor tersebut menyumbang kepada kejayaan akademik murid secara keseluruhan.



1.9.1 Hubungan Antara Pemboleh ubah

i. Hubungan Kepimpinan Instruksional dengan Pencapaian akademik murid

Dalam kajian ini, melibatkan 1,113 orang guru sebagai peserta, instrumen seperti LSS dan SLEQ digunakan untuk menilai gaya kepimpinan dan keberkesanan sekolah. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara keberkesanan kepimpinan instruksional dengan prestasi akademik murid, yang diukur melalui Gred Purata Sekolah (GPS) UASA untuk tahun 2017 hingga 2019. Penemuan ini menegaskan bahawa kepimpinan instruksional yang berkesan tidak hanya





mempengaruhi kualiti pengajaran, tetapi juga mempunyai kesan yang jelas dan positif terhadap prestasi akademik murid. Ini menunjukkan bahawa kepimpinan instruksional yang baik adalah kunci kepada pencapaian kecemerlangan akademik murid dan perkembangan keseluruhan sekolah, menggariskan pentingnya strategi kepimpinan yang berkesan dalam usaha meningkatkan hasil pendidikan di institusi pendidikan.

ii. Hubungan Kualiti Guru dengan Pencapaian akademik murid

Kajian ini meneroka secara mendalam hubungan antara Kualiti Guru dan pencapaian akademik murid, dengan penekanan pada pengaruh positif dan signifikan yang dimiliki oleh Kualiti Guru terhadap pencapaian akademik. Penelitian yang dijalankan menunjukkan bahawa Kualiti Guru merupakan faktor yang amat penting dalam menentukan kejayaan akademik murid. Dalam konteks ini, Westera (2001) dan Medley (1982) menegaskan bahawa kompetensi dan keberkesanan guru memainkan peranan yang sangat kritikal dalam mempengaruhi pencapaian akademik. Mereka mencatat bahawa dimensi keberkesanan guru, termasuk kemahiran pengajaran, pengetahuan subjek, dan interaksi dengan murid, sangat mempengaruhi hasil pembelajaran. Penemuan ini memperkukuh idea bahawa peningkatan dalam Kualiti Guru boleh membawa kepada peningkatan yang ketara dalam pencapaian akademik murid, menekankan keperluan untuk menilai dan memperbaiki amalan pengajaran sebagai langkah utama dalam usaha meningkatkan kecemerlangan akademik di sekolah.

Rohani Arbua et al. (2010) mengakui bahawa ciri-ciri kualiti guru, termasuk kepakaran dalam bidang subjek, kemahiran pedagogi yang berkesan, dan keterampilan interpersonal yang baik, memainkan peranan penting dalam meningkatkan penglibatan





pelajar serta pencapaian akademik mereka. Kajian-kajian luar negara, seperti yang dilakukan oleh Rowe (2002) dan Darling-Hammond (2000), menunjukkan bahawa kejayaan akademik pelajar bergantung pada interaksi kompleks pelbagai faktor lain, dan tidak hanya terbatas kepada latar belakang pelajar sahaja. Penemuan-penemuan ini menekankan bahawa kualiti guru adalah elemen utama yang mempengaruhi pencapaian akademik, dengan mengambil kira bagaimana faktor-faktor lain, seperti sumber pembelajaran, sokongan keluarga, dan persekitaran sekolah, turut memainkan peranan dalam menentukan kejayaan akademik pelajar.

Kompetensi pedagogi guru, seperti yang dijelaskan oleh Shahril Marzuki (2005) dan Khuzaimah Zaa'im et al. (2019), merupakan kunci utama dalam menentukan keberkesanan pengajaran. Kajian ini akan menilai secara mendalam bagaimana dimensi-dimensi Kualiti Guru mempengaruhi pencapaian akademik, khususnya dalam hubungannya dengan Gred Purata Sekolah (GPS) UASA untuk tahun 2017 hingga 2019. Dengan menilai keberkesanan kompetensi pedagogi ini, kajian ini bertujuan untuk memahami bagaimana peningkatan dalam kualiti pengajaran dapat membawa kepada peningkatan dalam hasil pencapaian akademik di sekolah.

iii. Hubungan Sokongan PIBG dengan Pencapaian akademik murid

Sokongan dari PIBG memainkan peranan yang sangat penting dalam meningkatkan pencapaian akademik murid. Kajian oleh Norhaida Shaarani et al. (2015) menunjukkan bahawa komunikasi yang berkesan dan sokongan sosial daripada ibu bapa memberikan kesan positif yang signifikan terhadap pencapaian akademik. Penemuan ini menunjukkan bahawa hubungan yang baik antara sekolah dan keluarga, serta adanya





sokongan moral dan praktikal daripada ibu bapa, dapat memperbaiki prestasi akademik murid. Selain itu, Zulkifli et al. (2011) mendapati bahawa penglibatan ibu bapa menyumbang sebanyak 74.5% kepada pencapaian akademik pelajar. Walau bagaimanapun, kajian ini juga menekankan bahawa komunikasi di rumah perlu dipertingkatkan untuk memaksimumkan kesan sokongan tersebut. Dengan meningkatkan komunikasi dan kerjasama antara ibu bapa dan sekolah, serta memperkuat sokongan sosial dari komuniti, pencapaian akademik murid dapat diperbaiki secara menyeluruh.

Candis (2003) dan Basheer (1989) menekankan peranan penting ibu bapa sebagai model pendidikan yang mempengaruhi kejayaan akademik anak-anak mereka. Mereka berpendapat bahawa tingkah laku, nilai, dan sikap ibu bapa terhadap pendidikan mempunyai kesan langsung terhadap pencapaian akademik anak-anak.

Morrison (1978) serta Houtenville dan Conway (2008) menyatakan bahawa penglibatan aktif ibu bapa dalam proses pendidikan adalah kritikal untuk mencapai matlamat sekolah dan meningkatkan pencapaian akademik. Mereka menegaskan bahawa ibu bapa yang terlibat dalam pendidikan anak-anak mereka dapat memberikan sokongan yang diperlukan untuk kejayaan akademik. Selain itu, Ismail Ibrahim (2002) dan Marchant et al. (2001) menegaskan bahawa ibu bapa berperanan dalam merangsang anak-anak untuk mencuba perkara baru, serta memberikan sokongan emosional dan praktikal yang penting bagi kejayaan akademik. Mereka menekankan bahawa peranan ibu bapa dalam memotivasi dan menyokong anak-anak adalah aspek yang tidak boleh diabaikan dalam usaha mencapai kejayaan dalam pendidikan.





Knollman et al. (2007) dan Houtenville et al. (2008) menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa dalam mengawasi dan menyokong kerja rumah anak-anak dapat memberikan impak yang positif terhadap pencapaian akademik mereka. Kajian-kajian ini menekankan bahawa sokongan yang aktif dari ibu bapa, dalam bentuk pemantauan dan bantuan dengan kerja rumah, boleh meningkatkan prestasi akademik anak-anak secara signifikan. Selain itu, kajian menunjukkan bahawa sokongan dari PIBG memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan prestasi akademik sekolah. Pentadbiran sekolah yang efektif bergantung kepada hubungan yang kukuh dan kolaboratif antara pengetua, guru, dan pelajar (Day, 2008; Zaidatol et al., 2004).

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) menekankan pentingnya penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam memperkukuhkan sistem pendidikan sekolah. Pelan ini menetapkan bahawa kerjasama antara ibu bapa, komuniti, dan institusi pendidikan adalah kunci untuk mencapai peningkatan yang berterusan dalam sistem sekolah. Kajian ini bertujuan untuk menilai secara mendalam bagaimana sokongan dari PIBG dan komuniti mempengaruhi pencapaian akademik murid. Selain itu, kajian ini akan mengkaji hubungan antara sokongan tersebut dengan Gred Purata Sekolah (GPS) UASA untuk tahun 2022 hingga 2024. Dengan memfokuskan pada interaksi antara sokongan PIBG, komuniti, dan pencapaian akademik, kajian ini akan memberikan gambaran yang lebih jelas tentang bagaimana faktor-faktor tersebut berkontribusi kepada kejayaan akademik murid dan sejauh mana sokongan ini dapat memperbaiki hasil pendidikan di sekolah.





iv. Hubungan Kepimpinan Instruksional, Kualiti Guru, Sokongan PIBG dengan Pencapaian akademik murid

Kajian ini bertujuan untuk menyelidiki secara mendalam bagaimana kepimpinan instruksional, kualiti guru, serta sokongan PIBG mempengaruhi pencapaian akademik murid dengan cara yang positif dan signifikan. Dengan menganalisis secara terperinci hubungan antara elemen-elemen ini. Penelitian ini akan menilai kekuatan dan sifat pengaruh setiap elemen terhadap pencapaian akademik, termasuk bagaimana kepimpinan instruksional yang berkesan dapat meningkatkan kualiti pengajaran, serta bagaimana kualiti guru dan sokongan dari PIBG dapat menyumbang kepada prestasi akademik yang lebih baik. Dengan memahami hubungan ini secara menyeluruh, kajian ini bertujuan untuk memberikan panduan praktikal yang dapat digunakan oleh pihak sekolah dan pemegang taruh untuk merangka strategi yang lebih efektif dalam meningkatkan pencapaian akademik murid.

Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis sumbangan faktor-faktor demografi responden, termasuk umur, jantina, pengalaman, kelayakan akademik, dan pengalaman mengajar, terhadap pencapaian akademik murid. Dengan menyelidiki bagaimana faktor-faktor demografi ini mempengaruhi hasil pencapaian akademik, kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih lengkap tentang bagaimana ciri-ciri peribadi dan profesional guru dapat mempengaruhi prestasi akademik pelajar. Penilaian terhadap umur, jantina, serta pengalaman dan kelayakan akademik guru akan membantu memahami bagaimana faktor-faktor ini berkaitan dengan pendekatan pengajaran dan, seterusnya, pencapaian akademik murid. Analisis ini bertujuan untuk menyediakan panduan yang berguna bagi pengubalan dasar





pendidikan dan latihan guru, serta untuk meningkatkan pemahaman mengenai bagaimana faktor-faktor demografi mempengaruhi kejayaan akademik di sekolah.

1.10 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana ia menyediakan pandangan yang mendalam mengenai sumbangan kepimpinan instruksional, kualiti guru, serta sokongan PIBG terhadap pencapaian akademik murid di sekolah rendah kawasan luar bandar Kota Belud, Sabah. Dengan fokus kepada 57 sekolah dalam Pejabat Pendidikan Daerah, kajian ini bertujuan untuk memahami keperluan dan cabaran khusus yang dihadapi oleh sekolah-sekolah di kawasan tersebut dalam konteks kepimpinan sekolah. Penyelidikan ini adalah relevan untuk menyediakan panduan yang berharga kepada Kementerian Pendidikan, pengetua atau guru besar, guru-guru, dan peneliti masa depan. Kajian ini berpotensi untuk membantu dalam merangka strategi yang lebih berkesan dalam meningkatkan pencapaian akademik serta memberikan wawasan yang diperlukan untuk menangani cabaran unik yang dihadapi oleh sekolah-sekolah di kawasan luar bandar. Dengan memberikan maklumat yang mendalam dan komprehensif, kajian ini diharapkan dapat menyokong penggubalan dasar pendidikan yang lebih baik dan meningkatkan kualiti pendidikan di kawasan yang memerlukan perhatian khusus. Berikut merupakan antara kepentingan kajian ini:

- i. Maklumat mengenainya dapat digunakan dalam menilai keberkesanan pelaksanaan program di sekolah khasnya di Sabah.





- ii. Hasil kajian juga dapat memberikan maklumat kepada pegawai-pegawai di peringkat kementerian, negeri, daerah, sekolah dan pihak yang berkepentingan bagi menambah baik kepimpinan.
- iii. Memberi panduan kepada penggubal dan pembuat dasar dalam bidang pendidikan supaya dapat menyediakan modal insan yang sesuai.
- iv. Meningkatkan pengurusan dan pentadbiran pengetua dan guru besar di sekolah.
- v. Memberikan ruang yang luas kepada PIBG untuk menyokong program sekolah sama ada di dalam atau di luar sekolah.

1.11 Batasan Kajian



Kajian ini melibatkan hanya sebilangan kecil sekolah dari kawasan luar bandar di Pejabat Pendidikan Daerah Kota Belud, Sabah, termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina atau Tamil). Oleh itu, kajian ini tidak merangkumi jenis sekolah lain seperti sekolah bantuan, berasrama penuh, pendidikan khas, sekolah agama, berstatus kolej, dan swasta. Dengan skop yang terhad ini, hasil kajian mungkin tidak sepenuhnya mewakili keseluruhan populasi guru sekolah rendah di Sabah atau di negara secara umum. Keterbatasan ini mungkin memberi kesan kepada generalisasi temuan kajian ini kepada konteks yang lebih luas, kerana ia hanya mencakupi jenis sekolah dan kawasan yang spesifik. Walaupun kajian ini memberikan wawasan yang berharga dalam konteks sekolah luar bandar di Kota Belud, Sabah, adalah penting untuk diambil kira bahawa hasilnya mungkin tidak sepenuhnya mencerminkan realiti di sekolah-sekolah lain di Sabah atau di seluruh negara.



Di samping itu, kajian ini memberi fokus khusus kepada tiga domain utama yang dianggap penting dalam konteks pendidikan, iaitu Kepimpinan Instruksional, Kualiti Guru, serta Sokongan PIBG, dan bagaimana ketiga-tiga domain ini mempengaruhi Pencapaian Akademik Murid (Kemenjadian Murid). Kajian ini dijalankan secara menyeluruh di semua sekolah rendah harian biasa yang terdapat di kawasan Kota Belud, Sabah. Dalam kajian ini, responden merangkumi semua guru yang berkhidmat di sekolah-sekolah tersebut, termasuk penolong kanan, ketua panitia, serta guru-guru lain yang mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang mendalam mengenai kepimpinan guru besar dan keadaan keseluruhan sekolah. Dengan melibatkan pelbagai peranan dan pengalaman dalam kajian ini, diharapkan dapat diperoleh pandangan yang komprehensif tentang bagaimana kepimpinan instruksional, kualiti guru, dan sokongan PIBG mempengaruhi pencapaian akademik murid secara

1.12 Definisi Operasional

Definisi operasional dirumuskan dengan tujuan untuk mengelakkan sebarang kekeliruan dan perbezaan tafsiran yang mungkin timbul berkaitan dengan istilah-istilah penting yang digunakan dalam kajian ini.



1.12.1 Kepimpinan Instruksional

Menurut Hallinger dan Murphy (1985), kepimpinan instruksional terdiri daripada tiga dimensi utama: (i) menetapkan matlamat sekolah yang jelas dan dikongsi bersama, (ii) mengurus program pengajaran dan pembelajaran melalui penyeliaan pengajaran, penyelarasan kurikulum, dan pemantauan pencapaian pelajar, serta (iii) membangunkan iklim pembelajaran yang kondusif dan berorientasikan pencapaian. Kepimpinan instruksional merujuk kepada bentuk kepimpinan pendidikan yang memberi penekanan kepada tanggungjawab pengetua atau pemimpin sekolah dalam merancang, melaksana, menilai, dan memperkukuh proses pengajaran dan pembelajaran. Kepimpinan ini bertujuan meningkatkan kualiti pengajaran guru dan pencapaian murid melalui tindakan yang berfokus dan berstrategi terhadap aktiviti bilik darjah serta pembangunan profesional warga sekolah.

Definisi operasional bagi domain kepimpinan instruksional dalam kajian ini adalah:

1. Merangka Matlamat Sekolah yang Jelas

Pemimpin instruksional bertanggungjawab merangka visi dan misi sekolah yang jelas, spesifik, dan boleh dicapai bagi mengarah seluruh warga sekolah ke arah pencapaian akademik yang tinggi. Matlamat ini bukan sahaja perlu mencerminkan aspirasi pendidikan nasional dan keperluan komuniti setempat, malah harus dirumus dengan penglibatan warga sekolah agar wujudnya rasa pemilikan bersama terhadap hala tuju sekolah (Hallinger & Murphy, 1985). Kepimpinan yang berkesan bermula dengan kejelasan tentang apa yang ingin dicapai.





2. Menyampaikan Matlamat Sekolah dengan Jelas

Setelah matlamat dirangka, pemimpin perlu menyampaikannya secara efektif kepada semua pihak berkepentingan. Ini termasuk penyampaian melalui mesyuarat, surat pekeliling, perhimpunan, dan komunikasi tidak formal. Penyampaian yang konsisten dan berulang dapat memupuk kefahaman dan peneguhan terhadap keutamaan sekolah, serta mendorong penajajaran tindakan guru dan murid kepada matlamat tersebut (Hallinger, 2011).

3. Penyeliaan dan Penilaian Instruksional

Pemimpin instruksional perlu memainkan peranan aktif dalam menyelia pengajaran guru serta menilai keberkesanannya. Melalui pemerhatian bilik darjah, perbincangan pasca-pemerhatian, dan maklum balas berstruktur, pemimpin dapat membantu guru meningkatkan amalan pedagogi. Ini juga memberi mesej bahawa pengajaran berkualiti adalah keutamaan sekolah (Hallinger & Murphy, 1985).

4. Menyelaras Kurikulum

Dalam domain ini, pengetua perlu memastikan penyampaian kurikulum yang konsisten di seluruh peringkat sekolah. Ini termasuk menyelaraskan kandungan, pedagogi, dan pentaksiran agar selari dengan standard yang ditetapkan. Pemimpin instruksional akan bertindak sebagai penyelaras utama dalam memastikan semua guru memahami kehendak kurikulum dan melaksanakannya secara sistematik (Hallinger & Murphy, 1985).





5. Memantau Kemajuan Murid

Pemantauan kemajuan akademik murid merupakan langkah penting dalam memastikan objektif pembelajaran tercapai. Pemimpin perlu menggunakan data penilaian untuk menilai prestasi murid, mengenal pasti isu pencapaian, dan membimbing guru dalam merancang intervensi yang sesuai. Ini membantu dalam membuat keputusan berasaskan data dan meningkatkan kualiti pembelajaran secara menyeluruh (Hallinger & Heck, 1996).

6. Melindungi Masa Instruksional

Pemimpin bertanggungjawab memastikan masa pengajaran tidak terganggu oleh aktiviti luar bilik darjah yang tidak relevan. Ini termasuk mengurus jadual waktu dengan cekap, menghadkan mesyuarat atau program luar yang tidak penting pada waktu pengajaran, dan menegaskan kepentingan masa PdPc sebagai aset utama pencapaian pelajar (Hallinger & Murphy, 1985).

7. Mempromosi Pembangunan Profesional

Pemimpin instruksional berperanan sebagai agen perubahan profesional dalam kalangan guru. Mereka bertanggungjawab menyediakan peluang pembangunan profesional yang relevan dan berterusan. Ini termasuk bengkel, latihan dalaman, kolaborasi antara guru, dan penglibatan dalam komuniti pembelajaran profesional (PLC). Melalui pendekatan ini, guru dapat meningkatkan kualiti pengajaran mereka secara berterusan (Hallinger & Murphy, 1985).



8. Mengekalkan Visibiliti yang Jelas

Pemimpin yang kerap dilihat dalam bilik darjah, koridor, atau semasa aktiviti sekolah mencerminkan keprihatinan terhadap perkembangan sekolah. Visibiliti ini penting untuk membina hubungan positif dengan murid dan guru serta menunjukkan komitmen terhadap pembelajaran. Ia juga meningkatkan keberkesanan kepimpinan melalui interaksi yang kerap dan kehadiran yang nyata (Hallinger, 2011).

9. Menguatkuasakan Piawaian Akademik

Pemimpin instruksional harus menetapkan dan menegakkan jangkaan akademik yang tinggi. Ini melibatkan pemantauan standard pengajaran dan hasil pembelajaran serta memastikan murid dan guru memahami serta bekerja ke arah pencapaian tersebut. Piawaian akademik yang konsisten membina budaya kecemerlangan dan menjadikan pencapaian akademik sebagai nilai teras sekolah (Hallinger & Murphy, 1985).

10. Menyediakan Insentif kepada Murid

Galakan terhadap murid melalui pemberian insentif merupakan strategi penting dalam merangsang motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Insentif boleh berbentuk ganjaran, pengiktirafan, atau peluang menyertai program khas. Apabila murid merasai penghargaan atas usaha dan pencapaian mereka, mereka akan lebih terdorong untuk terus berjaya (Hallinger & Murphy, 1985).



11. Menyediakan Insentif kepada Guru

Pengiktirafan kepada guru yang menunjukkan prestasi cemerlang perlu diberi secara konsisten bagi membina semangat dan motivasi kerja. Insentif boleh berbentuk peluang kenaikan pangkat, tanggungjawab tambahan, pengiktirafan awam, atau sokongan profesional tambahan. Pemimpin yang menghargai usaha guru akan dapat membina semangat kerja berpasukan yang lebih kuat (Hallinger & Murphy, 1985).

1.12.2 Kualiti guru

Berdasarkan Standard Guru Malaysia (SGM 2.0) yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), kualiti guru merujuk kepada ciri-ciri, kemahiran, dan sikap yang dimiliki oleh seorang guru yang berkesan dalam menjalankan tugasnya. Seorang guru yang berkualiti perlu memiliki kemahiran yang mendalam dalam merancang, melaksanakan, menilai, dan mengurus bilik darjah dengan baik. Selain itu, guru tersebut perlu menunjukkan sikap profesional yang tinggi dalam setiap aspek pengajaran. Dalam kajian ini, harapan tersebut juga diterapkan kepada guru besar, yang diharapkan dapat menunjukkan kualiti yang sama untuk memastikan amalan kepimpinan instruksional yang berkesan. Ini adalah penting untuk memastikan bahawa semua aspek kepimpinan instruksional, dari perancangan dan pelaksanaan hingga penilaian dan pengurusan bilik darjah, dilaksanakan dengan cemerlang untuk mencapai matlamat pendidikan yang ditetapkan. Kajian ini juga menggunakan istilah-istilah khusus yang memerlukan penjelasan yang mendalam dan jelas. Penjelasan ini bertujuan





untuk memastikan bahawa semua pembaca mempunyai pemahaman yang tepat dan konsisten mengenai istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini.

Definisi operasional bagi domain kualiti guru dalam kajian ini adalah sama dengan SKPMg2 Kementerian Pendidikan Malaysia:

1. Guru Merancang Pelaksanaan PdPc

Perancangan pengajaran yang berkesan merupakan elemen penting dalam model pengajaran yang berjaya. Melalui perancangan yang jelas, guru dapat menetapkan matlamat yang ingin dicapai dalam setiap sesi pengajaran. Perancangan ini adalah asas untuk menentukan kaedah pengajaran yang paling sesuai dengan keperluan murid serta mencipta persekitaran yang mendukung proses pembelajaran yang berkesan (SGM 2.0).

2. Guru Mengawal Proses Pembelajaran

Dalam konteks model pengajaran yang berkesan (SGM 2.0), guru perlu menjadi pengarah dalam kelas untuk memastikan proses pembelajaran berjalan lancar. Mereka bertanggungjawab mengawal aliran pembelajaran dengan memastikan pelajar mengikuti aktiviti yang telah ditetapkan dalam perancangan PdPc. Pengawalan ini merangkumi pengurusan masa, pengurusan sumber pembelajaran, dan penyeliaan aktiviti yang sedang dijalankan dalam bilik darjah.





3. Guru Mengawal Suasana Pembelajaran

Keupayaan guru untuk mengawal suasana pembelajaran adalah satu aspek penting dalam memastikan keberkesanan pengajaran. Menurut SGM 2.0, pengawalan suasana bilik darjah adalah salah satu faktor yang mempengaruhi keberkesanan proses pembelajaran. Guru perlu mencipta persekitaran yang positif, tenang, dan fokus supaya murid dapat memberikan perhatian penuh terhadap pembelajaran.

4. Guru Membimbing Murid

Pembimbingan adalah aspek penting dalam pengajaran. SGM 2.0 menekankan bahawa pemimpin instruksional perlu memberi sokongan dan bimbingan kepada guru dan murid untuk meningkatkan prestasi. Dalam pengajaran, guru harus bertindak sebagai pembimbing yang bukan hanya menyampaikan ilmu, tetapi juga membantu murid mengatasi cabaran pembelajaran dan memberikan nasihat yang konstruktif dalam mencapai kejayaan akademik.

5. Guru Mendorong Minda Murid dalam Melaksanakan Aktiviti Pembelajaran

Guru perlu memotivasi minda murid untuk berfikir secara kritis dan kreatif semasa melaksanakan aktiviti pembelajaran. SGM 2.0 menunjukkan bahawa aktiviti yang mencabar dapat merangsang pemikiran murid dan membentuk kemahiran berfikir yang lebih tinggi. Guru yang berkualiti akan merancang aktiviti yang dapat mengasah kemampuan pemikiran kritis pelajar dan memberikan mereka peluang untuk mengembangkan pemahaman yang lebih mendalam tentang topik yang dipelajari.





6. Guru Mendorong Emosi Murid dalam Melaksanakan Aktiviti Pembelajaran

Selain aspek kognitif, aspek emosi juga penting dalam pembelajaran. SGM 2.0 menekankan bahawa guru perlu memberi perhatian kepada emosi murid dalam proses pembelajaran. Guru yang berkualiti akan mencipta persekitaran yang mendukung emosi positif dengan memberikan pujian, galakan, dan sokongan yang diperlukan oleh murid untuk merasa yakin dan bersemangat dalam melibatkan diri dalam pembelajaran.

7. Guru Melaksanakan Penilaian

Penilaian adalah satu lagi aspek penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut SGM 2.0, penilaian yang dijalankan oleh guru perlu memberi maklumat yang jelas tentang kemajuan murid dan menyediakan peluang untuk pembelajaran selanjutnya.

Penilaian berterusan memberi maklum balas yang berguna untuk murid dan membantu guru mengenal pasti area yang perlu diperbaiki dalam proses pengajaran.

8. Murid Melibatkan Diri dalam Proses Pembelajaran

Dalam SGM 2.0, penglibatan aktif murid dalam proses pembelajaran adalah kunci kejayaan pendidikan. Guru yang berkualiti perlu mencipta peluang untuk murid berinteraksi dan terlibat dalam aktiviti pembelajaran yang mendorong pembelajaran aktif. Melalui penglibatan ini, murid akan lebih mudah memahami konsep dan membina pengetahuan mereka sendiri secara lebih mendalam.





1.12.3 Sokongan PIBG dan Komuniti

Teori ekologi perkembangan manusia yang dicadangkan oleh Urie Bronfenbrenner dalam model Model Ekologi Sosial (1979) menekankan bahawa individu berkembang dalam konteks pelbagai sistem yang saling berinteraksi, di antaranya sistem mikro, meso, exo, dan makro. Model ini memberi perhatian kepada persekitaran sosial yang lebih luas, yang mempengaruhi perkembangan individu, termasuk interaksi dalam keluarga, sekolah, komuniti, dan budaya yang lebih besar. Dalam konteks pendidikan, teori ekologi ini dapat membantu menjelaskan bagaimana sokongan yang diberikan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dapat mempengaruhi pelaksanaan program pendidikan dan pencapaian akademik di sekolah. PIBG sebagai salah satu elemen dalam sistem sosial yang lebih besar, berfungsi sebagai jambatan antara keluarga (sistem mikro) dan sekolah (sistem meso). Interaksi yang erat antara ibu bapa dan guru di dalam PIBG, seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, merupakan contoh bagaimana sistem meso beroperasi. Penyediaan suasana pembelajaran yang baik di rumah, komunikasi yang berkesan, serta sokongan terhadap kecemerlangan anak dapat memperbaiki perkembangan akademik dan emosi murid, serta meningkatkan pencapaian mereka di sekolah (Latif & Abdullah, 2016).

Dalam konteks kajian ini merujuk kepada sokongan PIBG dan komuniti adalah sama dengan eSarana PIBG dan Komuniti Kementerian Pendidikan Malaysia.





1.12.4 Pencapaian akademik murid

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023), Pencapaian akademik murid merujuk kepada tahap perkembangan dan pencapaian murid secara menyeluruh hasil daripada proses pendidikan yang sistematik dan berkesan yang diukur melalui pelbagai bentuk pentaksiran formal dan tidak formal. Secara operasional, pencapaian akademik murid boleh ditakrifkan sebagai prestasi murid dalam bidang akademik yang diukur melalui pelbagai bentuk penilaian, termasuk penilaian formatif dan sumatif. Dalam kajian ini, Pencapaian akademik murid akan diukur berdasarkan indikator Keputusan Ujian akhir sesi akademik (UASA) sekolah rendah dari tahun 2022 hingga 2024 Pejabat Pendidikan Daerah Kota Belud.



1.13 Rumusan

Bab ini membincangkan secara terperinci pernyataan masalah serta hubungan antara empat pemboleh ubah utama yang menjadi fokus kajian: Kepimpinan Instruksional, Kualiti Guru, Sokongan PIBG dan Komuniti, dan Pencapaian Akademik Murid. Dalam bab ini, terdapat perbincangan yang mendalam tentang kajian-kajian terdahulu yang relevan, bertujuan untuk memahami pelbagai faktor yang mempengaruhi setiap pemboleh ubah tersebut dan bagaimana ia berinteraksi satu sama lain. Selain itu, bab ini juga akan menerangkan kerangka konseptual yang telah dibangunkan berdasarkan teori-teori yang relevan. Rumusan definisi operasi bagi pembolehubah adalah seperti berikut:

